



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI ISNIN: 13 MAC 2017**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO.6, NO.8 HINGGA NO. 69 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL  
[KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 13 MAC 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dr. Azman Bin Ismail [ Kuala Kedah ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sejauh manakah kejayaan Malaysia dalam mengenengahkan pensijilan MSPO (*Malaysian Sustainable Palm Oil*) kepada masyarakat antarabangsa. Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian.**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (*Malaysian Sustainable Palm Oil - MSPO*) telah dibangunkan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan semasa dalam negara. Skim ini telah mula dilaksanakan secara sukarela mulai tahun 2015 dan Kementerian telah menubuhkan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (*Malaysian Palm Oil Certification Council – MPOCC*) bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pensijilan minyak sawit Malaysia di bawah MSPO.

Sehingga Januari 2017, kawasan tanaman sawit seluas 221,548.14 hektar telah disijilkan di bawah MSPO. Ini meliputi kawasan seluas 214,749.6 hektar oleh syarikat-syarikat perladangan dan 6,798.55 hektar di bawah pekebun kecil. Daripada jumlah kawasan ini, sebanyak 806,599 tan minyak sawit disijilkan di bawah MSPO.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi bersama-sama dengan MPOCC serta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) akan meneruskan aktiviti-aktiviti promosi ke arah meningkatkan kesedaran dan penerimaan MSPO oleh negara-negara pengimport utama. Selain daripada aktiviti publisiti dan penjenamaan minyak sawit Malaysia di bawah rangka MSPO, lain-lain langkah yang akan dilaksanakan secara berterusan termasuk:

- (a) Taklimat mengenai MSPO semasa Misi Promosi dan Teknikal Minyak Sawit ke negara-negara pengimport utama;
- (b) Sesi konsultasi dengan Kedutaan negara-negara pengimport utama sawit di Kuala Lumpur bagi menjelaskan MSPO dan aspek kemampanan industri sawit negara;
- (c) Mengaturkan lawatan oleh ahli-ahli Parlimen Kesatuan Eropah, para pengimport utama dan wakil media dari luar negara untuk melihat pembangunan industri sawit negara;
- (d) Bekerjasama dengan lain-lain Badan Pensijilan Antarabangsa bagi mendapatkan pengiktirafan MSPO;
- (e) Meneruskan sesi taklimat dan dialog khusus sepanjang tahun 2017 di dalam dan luar negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain itu, Kementerian juga telah mengumumkan pelaksanaan pensijilan MSPO secara mandatori mulai 31 Disember 2018. Bagi mencapai matlamat ini, peluasan pensijilan secara berperingkat akan dilaksanakan bermula dengan syarikat-syarikat perladangan dan diikuti oleh para pekebun kecil.

Sekian, terima kasih

**NO. SOALAN:8**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]**  
**TARIKH : 13 MAC 2017**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) Hasil kajian di hospital Kerajaan pasca kebakaran yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah dan Hospital Raja Permaisuri Bainun ; dan
- (b) Bilangan hospital yang berisiko tinggi ancaman kebakaran dan memerlukan penyenggaraan segera, dinaik taraf atau dibina semula, berapakah kos yang terlibat?

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan Laporan Penyiasatan Kebakaran Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), kebakaran di *Intensive Care Unit* (ICU) Selatan adalah berpunca

daripada kegagalan komponen lampu iaitu kapasitor. Manakala bagi Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh pula, punca kebakaran adalah disebabkan oleh *parting arc* pada suis lampu di *bedhead panel*.

Susulan daripada insiden kebakaran yang telah berlaku di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, pihak Kementerian telah melaksanakan penggantian segera komponen-komponen lampu terutamanya di lokasi-lokasi kritikal di hospital. Selain itu juga, pihak Kementerian telah melaksanakan audit keselamatan kebakaran di 46 buah hospital yang berusia lebih 50 tahun bagi mengenalpasti risiko kebakaran. Bagi memastikan skop pengauditan adalah menyeluruh, audit keselamatan kebakaran tersebut juga turut melibatkan agensi-agensi kerajaan yang lain berdasarkan bidang kepakaran iaitu JBPM dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Hasil daripada audit keselamatan kebakaran tersebut, telah dikenalpasti pelbagai risiko kebakaran antaranya sistem pencegah kebakaran yang telah berusia, sistem pemasangan dan pendawaian elektrik yang usang, pemasangan sistem gas perubatan yang tidak memenuhi piawaian semasa dan lain-lain penemuan lagi yang memerlukan sistem-sistem kejuruteraan tersebut untuk dinaiktaraf.

Selain daripada 46 buah hospital yang dinyatakan di atas, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut menjalankan kaji selidik risiko kebakaran dan hasil kaji selidik tersebut menunjukkan bahawa sebahagian besar hospital-hospital berkenaan mempunyai risiko kebakaran dan memerlukan kerja-kerja naiktaraf, penambahbaikan serta pembaikan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan ianya selamat dan tidak menjejaskan pengoperasian harian hospital.

Adalah diharapkan dengan pelaksanaan kerja-kerja sepertimana di atas dan penambahbaikan serta pematuhan terhadap *Standard Operating Procedure* (SOP) keselamatan kebakaran, insiden yang telah berlaku di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh dapat dielakkan dan risiko kebakaran dikurangkan ke tahap minima.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN  
MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 13.3.2017**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Mohd Fasih Bin Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan mentransformasikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkualiti dan melahirkan modal insan berkemahiran yang memenuhi keperluan industri termasuklah dari segi meningkatkan kualiti dan penyampaian program TVET untuk menambah baik kebolehpasaran graduan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) adalah usaha merekayasa pendidikan vokasional yang menyumbang kepada agenda Transformasi Malaysia untuk mencapai status sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Perekayasaan TVET Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui TPV mensasarkan 70 peratus daripada graduan Kolej Vokasional (KV) mendapat pekerjaan setelah menamatkan pengajian. 20 peratus lagi graduan KV dijangka melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, manakala selebihnya akan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Lepasan Kolej Vokasional telah mendapat pengiktirafan dalam kalangan pemain industry. Setakat ini sebanyak 75 peratus pelajar telah mendapat pekerjaan mengikut bidang dalam tempoh sebulan selepas graduasi. Peluang melanjutkan pengajian ke peringkat universiti bagi mereka ini juga tersedia melalui kaedah *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) oleh Malaysia Qualification Agency (MQA) berdasarkan minima dua (2) tahun pengalaman bekerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KPM sedang meningkatkan kualiti dan menambah baik kebolehpasaran graduan melalui pembangunan latihan yang komprehensif, pensijilan yang diiktiraf oleh pelbagai pihak terutama pihak industri serta melengkapkan murid dengan kemahiran insaniah (*soft skills*), dan pengetahuan yang tinggi dalam bidang yang berkaitan.

NO. SOALAN:10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN**  
**[ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kapasiti MRT secara purata setiap hari dan berapakah penumpang yang menggunakan MRT sejak ia bermula operasi. Secara purata berapakah jumlah tambang yang dikutip setiap hari.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan MRT mula diperkenalkan pada 16 Disember 2016 bagi sektor Sungai Buloh - Semantan. Operasi ini telah diperkenalkan secara percuma selama sebulan kepada orang ramai iaitu sehingga 16 Januari 2017.
2. Jumlah penumpang Perkhidmatan MRT bagi tempoh yang telah direkodkan dari 16 Disember 2016 hingga 16 Januari 2017 adalah seramai 1,207,746 orang, menjadikan purata penumpang harian sebanyak 37,742 orang.
3. Manakala dari 17 Januari 2017 hingga 9 Mac 2017, jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan MRT ini adalah seramai 670,839 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.03.2017**

**Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah viability projek ECRL, jumlah kos (prinsipal & faedah) untuk membinanya, syarat-syarat pinjaman, kaedah pembiayaan (financing), sumber membayar balik hutang projek-projek ini dan faedah segera kepada rakyat secara langsung.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) adalah projek yang akan menghubungkan Port Klang - Gombak -Kuantan - Kuala Terengganu - Tumpat. Projek berimpak

tinggi Nasional ini akan merangsang pertumbuhan ekonomi terutamanya di Wilayah Pantai Timur.

Berdasarkan *Feasibility Study* oleh HSS Integrated (HSSI) pada 2010, dianggarkan sebanyak 5.4 juta penumpang dan 53 juta tan kargo akan menggunakan perkhidmatan ECRL setiap tahun sebagai medium utama dari Pantai Timur ke Pantai Barat Semenanjung. Manakala pendapatan daripada projek ECRL ini akan diperolehi melalui nisbah 30% penumpang dan 70% bagi pengangkutan kargo/barangan.

Tuan Yang Dipertua

Kos projek ECRL adalah sebanyak RM55 bilion, yang mana 85% akan dibiayai melalui Pinjaman Mudah (*Soft Loan*) daripada China EXIM Bank dan baki 15% pula akan dibiayai melalui program SUKUK/BON yang akan diuruskan oleh Institusi Kewangan Tempatan. Struktur pembiayaan ini dilihat dapat memberikan penjimatan yang signifikan ke atas kadar bayaran faedah/kupon iaitu 3.25% bagi Pinjaman Mudah manakala kupon untuk terbitan sukuk pula akan ditentukan berdasarkan pasaran semasa.

Syarat-syarat pinjaman yang dipersetujui bagi projek ECRL adalah menyamai syarat yang dikenakan terhadap Jambatan Kedua Sdn Bhd bagi projek Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. Pembayaran semula pinjaman projek ECRL, akan dibuat melalui pendapatan hasil operasi ECRL dan pendapatan bukan operasi (*non-fare revenue*) seperti *Transit Oriented Development* (TOD), pengiklanan dan peruncitan.

Impak positif terhadap produktiviti negara dan kesan limpahan ekonomi akan dapat dilihat melalui penambahbaikan terhadap sistem infrastruktur negara, peningkatan dari segi peluang pekerjaan di kalangan komuniti yang berada di jajaran ECRL, pengecilan jurang di antara wilayah Pantai Timur dan Barat serta pengembangan perdagangan dan industri logistik di Pantai Timur yang boleh menyumbang kearah pembangunan ekonomi yang lebih mantap.

Tuan Yang Dipertua

Pembinaan projek ECRL dilihat mampu memberi manfaat yang besar dan faedah segera kepada rakyat dengan wujudnya lebih

banyak peluang pekerjaan, merangsang perniagaan bagi usahawan-usahawan sedia ada dan baru, sebagai alternatif bagi orang awam untuk mengurangkan tempoh perjalanan ke Pantai Timur, serta menjadi salah satu opsyen terbaik pengangkutan awam bagi mengatasi masalah kesesakan trafik terutamanya pada musim perayaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 13.3.2017**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah SJKT Sungai Bakap, Pulau Pinang akan dibina serta nombor lot tanah baru bagi sekolah tersebut dan peruntukan untuk membina sekolah tersebut memandangkan sekolah tersebut dalam keadaan parah dan telahpun menerima notis dari tuan tanah untuk meninggalkan tanah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersetuju menggantikan tapak sedia ada SJKT Sungai Bakap dengan sebahagian tapak asal SK Seruling Emas iaitu seluas 4 ekar di atas Lot 3117 (PT 132), Mukim 5, Daerah Seberang Perai Selatan bagi tujuan pembinaan sekolah gantian penuh. Sekolah bantuan kerajaan ini akan dicadangkan menukar status menjadi sekolah kerajaan setelah bangunan sekolah siap dibina. Bagi pembinaan bangunan baharu sekolah tersebut, Kerajaan telah menurunkan peruntukan sebanyak RM3.5 juta di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2013.

**SOALAN NO: 13**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Wira Othman Bin Abdul**  
**[ Pendang ]**

**TARIKH : 13 Mac 2017 (Isnin)**

**SOALAN : Dato' Wira Othman Bin Abdul minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**  
**ASAS TANI menyatakan:-**

berapakah jumlah Pusat Pengumpulan  
Ladang (CC) dan Kompleks  
Pengumpulan Ladang (KPL) di negeri  
Kedah mengikut daerah.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) ialah pusat pengumpulan yang dibina di kawasan pengeluaran, di mana ia bersaiz kecil dengan reka bentuk yang ringkas. Kompleks Pengumpulan Ladang (KPL) pula adalah bangunan kekal dan mengandungi beberapa lot yang disewa kepada usahawan untuk mengurus niaga. Sehingga kini, terdapat dua (2) KPL berlokasi di Pulau Pinang.

Di Negeri Kedah, sebanyak 48 PPL telah dibangunkan oleh Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan hasil jualan sebanyak 2,982 tan metrik bernilai RM 5.9 juta dalam tahun 2016.

Bilangan PPL mengikut daerah di Negeri Kedah adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bilangan PPL</b>
1	Baling	10
2	Pendang	7
3	Sik	7
4	Kubang Pasu/ Jitra	5
5	Kulim	5
6	Kuala Muda/ Sg. Petani	4
7	Padang Terap	4
8	Bandar Baharu	2
9	Pokok Sena	2

10	Yan	1
11	Langkawi	1
<b>JUMLAH</b>		<b>48</b>

Selain daripada itu, Kementerian juga merancang untuk membangunkan sebanyak tiga (3) buah PPL lagi dalam tahun 2017 di Padang Terap, Baling dan Yan. Kewujudan PPL di kawasan pengeluaran tanaman ini dapat mengurangkan kerosakan lepas tuai dan menambah nilai hasil pertanian melalui penggredan, pelabelan dan pembungkusan. Pendekatan ini telah membantu petani untuk menjual hasil pertanian dengan harga lebih kompetitif.

NO. SOALAN: 14

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**TARIKH : 13 MAC 2017 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk mengembalikan pembiayaan tetap perkapita kepada Sekolah Agama Rakyat yang ditarik sejak zaman pemerintahan Tun Dr Mahathir.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk Sekolah Agama Rakyat yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama negeri dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan

ketetapan Butiran 1, Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Oleh itu, tanggungjawab memberikan bantuan dan pembangunan institusi tersebut adalah berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan pihak Lembaga Pengurusan Sekolah berkenaan.

Selain dari bantuan Kerajaan Negeri, di peringkat Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi tahun 2017 untuk perkembangan dan pembangunan kepada Sekolah Agama Rakyat dan pondok berdaftar. Sebelum ini, Kerajaan Persekutuan juga telah menyalurkan peruntukan secara *one-off* sebanyak RM95 juta pada tahun 2011 dan RM50 juta pada tahun 2014 kepada sekolah-sekolah tersebut.

Disamping itu, bermula tahun 2004, Kerajaan Persekutuan memperkenalkan program pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kerajaan sentiasa menggalakkan Sekolah Agama Rakyat yang memenuhi syarat supaya berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bagi memudahkan diberikan bantuan. Antara kebaikan berdaftar sebagai SABK ialah menerima bantuan bagi urusan pentadbiran sekolah, menerima bantuan modal bagi pembangunan fizikal sekolah, mewujudkan jawatan hakiki guru serta menerima guru yang terlatih dan mendapat Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) percuma.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PROF. DR. ISMAIL BIN DAUT [ MERBOK ]**

**TARIKH : 13.3.2017**

**SOALAN :**

**Prof. Dr. Ismail Bin Daut [ Merbok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar di seluruh negara yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah pada tahun 2016 dan apakah tindakan yang dilakukan terhadap pelajar tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tahun 2016 seramai seramai 1732 orang murid dikesan terlibat dalam gejala dadah. Data ini diperoleh hasil ujian urin yang dilaksanakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Murid-murid yang dikesan terlibat mencuba dadah ini telah melalui sesi kaunseling dan program intervensi yang dikendalikan bersama AADK.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah di semua sekolah seluruh negara bagi mendidik murid-murid menjauhi dan tidak terlibat dalam gejala dadah. Antara langkah utama KPM ialah penubuhan Jawatankuasa Pendidikan Pencegahan Dadah di peringkat sekolah, sisipan pencegahan dadah dalam kurikulum, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Program

Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu melibatkan kerjasama AADK, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), PDRM dan PEMADAM.

KPM juga melaksanakan langkah intervensi awal kepada murid-murid yang berisiko tinggi terlibat dadah. Mereka akan mengikuti program pembangunan sahsiah yang dikendalikan oleh kaunselor-kaunselor sekolah. Murid-murid juga dilatih memanfaatkan masa dan menggunakan kemahiran diri yang positif untuk menghindari gejala dadah melalui aktiviti pertubuhan beruniform, kelab dan persatuan.

RJM31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN  
(KELANA JAYA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.03.2017**

**Y.B. TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju untuk mengecualikan semua barangan pencegahan kebakaran, termasuk pada alat pengesan asap dan pemadam api, daripada cukai barangan dan perkhidmatan (GST) berikutan kebakaran rumah yang meragut nyawa sekeluarga di USJ 2, Subang Jaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kerajaan tidak bercadang untuk mengecualikan semua barang pencegahan kebakaran, termasuk alat pengesan asap dan pemadam api daripada

dikenakan GST. Secara amnya, di bawah model GST Malaysia, hanya keperluan barang asasi yang dibelanjakan secara kerap dan berterusan adalah dikenakan GST berkadar sifar. Pendekatan ini selaras dengan matlamat untuk memastikan kesan GST adalah minima demi menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah. Dalam konteks penyediaan peralatan pencegahan kebakaran oleh pengguna domestik seperti alat pengesan asap dan pemadam api, perbelanjaan lazimnya dibuat secara *one-off* untuk tempoh berkala antara 3 dan 5 tahun sekali sebagai langkah menjamin keselamatan jangka panjang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS  
(SEPANGGAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.03.2017**

**Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah bilangan pengurup wang yang berlesen di bawah akta perniagaan perkhidmatan wang yang beroperasi di kawasan Sepanggar dan berapa ramaikah diantara mereka yang terdiri dari kalangan bumiputera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tempoh akhir Disember 2016, terdapat 19 pemegang lesen perniagaan pengurupan wang di daerah Kota Kinabalu termasuk dua pemegang lesen di Sepanggar, yang dimiliki oleh pelbagai kaum termasuk Bumiputera.

Semua pemegang lesen tersebut mesti memenuhi kriteria perlesenan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Kriteria ini termasuk kriteria minimum "layak dan sesuai" (*fit and proper*), keperluan tadbir urus dan operasi, serta kewangan minimum untuk menjalankan aktiviti pengurusan wang.

Taburan penyedia perkhidmatan pengurusan wang adalah berlandaskan permintaan pengguna untuk perkhidmatan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN  
(BANDAR KUCHING)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.03.2017**

**Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah sumbangan keseluruhan Sarawak terhadap Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Persekutuan melalui cukai pendapatan syarikat, cukai perndapatan persendirian, cukai barangan dan perkhidmatan (GST), tarif impot dan eksport, dan seterusnya dalam tahun 2012, 2013, 2013, 2015 dan 2016. Apakah peratusan sumbangan Sarawak ini berbanding dengan keseluruhan penerimaan Kumpulan Wang Disatukan dalam tahun masing-masing tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan hasil

cukai yang dipungut di negeri Sarawak bagi tempoh 2012 hingga 2016 adalah berjumlah RM29.6 billion atau 3.4% daripada jumlah hasil cukai Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM861.6 bilion bagi tempoh tersebut. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM21.6 bilion adalah daripada kutipan cukai langsung (2.5% daripada jumlah hasil cukai Kerajaan Persekutuan) manakala kutipan cukai tidak langsung adalah sebanyak RM8 bilion (0.9%).

2. Daripada jumlah kutipan cukai di Sarawak, hasil cukai pendapatan syarikat kekal sebagai penyumbang terbesar iaitu RM13.1 bilion atau 1.5% daripada jumlah keseluruhan hasil cukai dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima tahun tersebut, diikuti dengan cukai pendapatan individu sebanyak RM7.2 bilion (0.8%), cukai barang dan perkhidmatan (GST) sebanyak RM4.3 bilion (0.5%), duti eksport sebanyak RM1.8 bilion (0.2%), duti import sebanyak RM356 juta (0.04%) dan lain-lain sebanyak RM3 billion (0.4%).

3. Walau bagaimanapun, kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung tersebut tidak menggambarkan hasil sebenar yang dikutip di sesebuah negeri kerana pembayaran cukai bagi

aktiviti di sesebuah negeri boleh dilaksanakan di luar dari negeri berkenaan. Contohnya, terdapat syarikat yang membayar cukai di LHDN Kuala Lumpur kerana mempunyai ibu pejabat di Kuala Lumpur sedangkan aktiviti sebenar syarikat adalah di negeri lain.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO**  
**MICHAEL TOYAD ABDULLAH**  
**KAWASAN : MUKAH**  
**TARIKH BAHAS : 13 Mac 2017**  
**NO. SOALAN : 19**

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah** meminta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pekerja dari sektor pembuatan yang telah diberhentikan akibat daripada penutupan dan penstrukturan semula syarikat-syarikat multinasional setakat tempoh 2010 hingga 2015 serta apakah cadangan Kementerian bagi meraih pelaburan luar agar dapat memanfaatkan ekonomi negara.

## **Cadangan Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Dalam tempoh 2010 hingga 2015, sebanyak 41 buah syarikat milik asing dan 10 milik usahasama rakyat asing dan tempatan dalam sektor perkilangan telah menutup operasi di Malaysia. Jumlah guna tenaga yang diberhentikan dari penutupan syarikat-syarikat tersebut adalah seramai 10,858 orang.

Antara sebab-sebab penutupan operasi adalah syarikat-syarikat tersebut adalah:

- Perpindahan operasi syarikat ke negara-negara yang dapat menyediakan tenaga buruh pada kos yang lebih kompetitif;
- Keadaan pasaran yang lemah berikutan penurunan dalam jualan dan permintaan;
- Peningkatan dalam kos pengeluaran;
- Bekalan bahan mentah yang terhad dan berkurangan;
- Pengambilalihan oleh syarikat lain; dan
- Penstrukturan semula syarikat.

Walau bagaimanapun, jumlah penutupan operasi perkilangan bagi tempoh 2010 sehingga 2015 adalah lebih kecil berbanding

dengan jumlah projek perkilangan yang mula beroperasi di dalam tempoh yang sama.

Menurut statistik terkini, bagi tempoh 2010 sehingga 2015 sebanyak 4,838 projek baharu dengan jumlah pelaburan sebanyak RM343 bilion telahpun memulakan operasi perkilangan dengan mewujudkan sebanyak 512,308 peluang pekerjaan.

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai strategi dan langkah telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian untuk meraih pelaburan asing, sekaligus mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi pilihan pelaburan di kalangan pelabur tempatan dan asing. Antara langkah-langkah berkenaan adalah:

- i. Melaksanakan “pendekatan berfokus” dan “pendekatan ekosistem” untuk menarik pelaburan berkualiti seperti industri bernilai ditambah tinggi, industri berteknologi tinggi dan berintensif modal, industri berintensif pengetahuan serta aktiviti-aktiviti penyelidikan. Dalam konteks ini, galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal bagi mempromosikan industri-industri tersebut telah diperkenalkan dan ditambahbaik secara berterusan. Ini

termasuk dengan melaksanakan strategi meningkatkan pelaburan berintensif pembangunan pengetahuan dan modal insan. Di bawah Bajet 2017, antara insentif utama yang diumumkan adalah termasuk insentif untuk terus meningkatkan penubuhan institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan menggalakkan pihak swasta menyediakan dengan izin, *Structured Internship Programme* bagi melatih graduan lepasan universiti.

- ii. Mempelbagaikan sumber baharu pelaburan dan perniagaan selain tertumpu di dalam sektor perkilangan. Ini termasuk dengan merencanakan perkembangan ekonomi digital and perdagangan elektronik, dengan izin, *e-commerce*. Strategi diurus ke arah mewujudkan hab perdagangan yang merentasi sempadan pertama di dunia bagi perusahaan kecil dan sederhana, terutamanya di zon perdagangan bebas digital, dengan izin, *Digital Free Trade Zone*;
- iii. Kajian semula dan pelaksanaan dasar berkaitan pelaburan bagi memastikan Malaysia sentiasa menjadi destinasi pelaburan yang kondusif dan kompetitif untuk para pelabur asing dan tempatan di rantau ini melalui pertimbangan dan pemberian insentif dengan menyasarkan projek-projek yang berkualiti dan berimpak tinggi yang sekaligus dapat

melengkapkan ekosistem sektor perkilangan dan perkhidmatan dalam negara;

- iv. Memperkasa pembangunan rantaian bekalan dengan melengkapkan ekosistem industri, iaitu industri hulu dan sedia ada dengan industri hiliran yang baharu dengan menyediakan platform untuk perkongsian maklumat. Antara platform tersebut adalah penganjuran beberapa sesi persidangan pembekal-pembekal industri atau dengan izin, *suppliers' conferences* dan juga program-program pembangunan vendor;
- v. Menganjurkan program, dengan izin, "*media engagement*" dan publisiti di dalam dan luar negara bagi menguar-uarkan kepada pelabur-pelabur berpotensi berkenaan maklumat-maklumat terkini pelaburan dalam negara; dan
- vi. Penganjuran misi perdagangan dan pelaburan oleh agensi di bawah Kementerian ini iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ke negara-negara pengeksport utama modal dan teknologi untuk menyebarkan maklumat tentang keadaan ekonomi negara yang terkini melalui penganjuran seminar, bengkel dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi dalam sektor

perkilangan dan perkhidmatan. Antara misi penggalakan dan pelaburan yang telah dijalankan termasuklah misi penggalakan perdagangan dan pelaburan ke Amerika Syarikat, Jerman, Singapura, Jepun dan Republik Rakyat China.

Selain dari langkah-langkah yang sedang dilaksanakan, Kementerian ini akan sentiasa menambahbaik dan memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian bagi meraih pelaburan agar dapat memanfaatkan ekonomi negara dan seterusnya mencapai sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM291 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

**SOALAN NO: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING  
[ STAMPIN ]  
TARIKH : 13 MAC 2017  
SOALAN :**

**YB Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci status pembinaan/pembangunan terkini perancangan serta kos pembinaan hospital daerah Lawas yang dijangka bernilai RM228 mil di Lawas. Begitu juga dengan Hospital Sri Aman serta Hospital Petra Jaya. Senaraikan secara terperinci jumlah perbelanjaan, Jangka masa siap, syarikat yang terlibat, jumlah kontrak yang akan ditawarkan, serta peranan mereka dalam projek tersebut dan jenis tender yang digunakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak. Justeru itu, Kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh Sarawak terutamanya projek Hospital Lawas, Hospital Sri Aman dan Hospital Petrajaya.

Untuk makluman, Projek Hospital Lawas (Gantian) (76 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek ini dilaksanakan di dalam 3 Fasa dan perinciannya adalah seperti berikut:

**Fasa 1: Pengubahsuaian untuk Kerja-Kerja Decanting**

Kos Projek : RM2,423,200.00  
Kaedah Pelaksanaan : Reka dan Bina  
Kaedah Perolehan : Rundingan Terus  
Kontraktor : UEM Group Berhad-Sarawak Economic  
Development Corporation JV  
(UEM-SEDC JV)  
Tarikh Milik Tapak : 30-04-2012  
Tarikh Siap Sebenar : 13-03-2013

**Fasa 2A: Kerja Meroboh Bangunan Tertentu dan Kerja Tanah**

Kos Projek : RM25,639,200.00  
Kaedah Pelaksanaan : Reka dan Bina  
Kaedah Perolehan : Rundingan Terus  
Kontraktor : UEM Group Berhad-Sarawak Economic  
Development Corporation JV  
(UEM-SEDC JV)  
Tarikh Milik Tapak : 17-02-2014  
Tarikh Siap Sebenar : 29-11-2015

**Fasa 2B: Kerja Bangunan dan Kerja-Kerja Berkaitan**

Anggaran Kos Projek : RM200,100,000.00  
Kaedah Pelaksanaan : Reka dan Bina  
Kaedah Perolehan : Tender Terbuka (Pra-Kelayakan)

Status Terkini Projek : a) Iklan Tender Pra-Kelayakan telah dibuat pada 6 Februari 2017 dan Tarikh Penghantaran Dokumen Pra-Kelayakan dijangka ditutup pada 27 Februari 2017.

b) Surat Setuju Terima dijangka pada 27 November 2017 dan Tarikh Milik Tapak pula dijangka pada 27 Disember 2017.

c) Projek dijangka siap pada 30 September 2020.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, Projek Hospital Sri Aman (108 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek ini dilaksanakan di dalam 2 Fasa dan perinciannya adalah seperti berikut:

#### **Fasa 1: Kerja-Kerja Tanah dan Rawatan Tanah**

Kos Projek : RM8,434,391.09

Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Perunding

Kaedah Perolehan : Tender Terbuka

Kontraktor : Golden Matrix Sdn. Bhd.

Tarikh Milik Tapak : 30-07-2012

Tarikh Siap Sebenar : 29-08-2013

#### **Fasa 2: Kerja Bangunan dan Kerja Berkaitan**

Kos Projek : RM213,155,864.42

Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Perunding

Kaedah Perolehan : Tender Terhad  
Kontraktor : Faltech Engineering Sdn. Bhd. JV Welfield Services Sdn. Bhd.  
Tarikh Milik Tapak : 26-10-2015  
Tarikh Siap Semasa : 25-10-2018  
Kemajuan Projek : Jadual: 35%  
(sehingga 13 Februari 2017) Sebenarnya: 13% (Lewat 199 hari)

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, Projek Hospital Petrajaya (300 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

Kos Projek : RM500,000,000.00  
Kaedah Pelaksanaan : Reka dan Bina  
Kaedah Perolehan : Rundingan Terus  
Kontraktor : Zecon Berhad  
Tarikh Milik Tapak : 30-05-2013  
Tarikh Siap Semasa : 09-06-2017  
Kemajuan Projek : Jadual: 93.74%  
(sehingga 5 Februari 2017) Sebenarnya: 48.33% (Lewat 268 hari)

**Tuan Yang di-Pertua,**

KKM bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Adalah menjadi aspirasi KKM agar projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATUK WEE JECK SENG  
[ TANJONG PIAI ]**  
**TARIKH** : **13 MAC 2017 [ ISNIN ]**  
**SOALAN** :

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik poligami di negara yang pendapatan suami berkemampuan mengikut pecahan kepada negeri bagi tahun 2010-2016 apabila terdapat keluhan bahawa wanita dan kanak-kanak dalam poligami perkahwinan tidak mendapat layanan yang setaraf.

**JAWAPAN:** (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia, sebanyak 8,808 kes permohonan suami yang layak dan berkemampuan telah diberikan kebenaran berpoligami oleh Mahkamah Syariah dari tahun 2010-2016.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 13.3.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik jumlah graduan institut perguruan dan ijazah sarjana muda pendidikan yang mengemukakan permohonan dipanggil untuk menghadiri temuduga dan ditawarkan perlantikan dan penempatan bagi tempoh 2013 hingga sekarang

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dari tahun 2013 hingga 2016 semua graduan keluaran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Universiti Awam (UA) unjuran dan tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan telah ditawarkan penempatan. Sebanyak 96 peratus daripada graduan yang ditemuduga oleh SPP telah melapor diri dan ditempatkan untuk tempoh 2013 hingga Februari 2017. Baki 4 peratus yang tidak dilantik adalah terdiri daripada graduan yang tidak diperaku oleh SPP atau menolak tawaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan temu duga bagi tahun 2017 bagi graduan pendidikan lepasan IPGM dan UA yang baru

bergraduasi pada tahun 2016 sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat oleh SPP.

RJM34

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK TSEN THAU LIN @ LINDA**  
**[BATU SAPI]**  
**TARIKH : 13 MAC 2017 [ISNIN]**  
**SOALAN : 23**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah-langkah untuk meningkatkan daya saing negara melalui penyelidikan dan pembangunan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan daya saing negara melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D). Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah:

- (i) menggalakkan lebih banyak hasil ciptaan baru R&D yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Penghasilan produk R&D ini dibuat dengan mengambil kira dorongan pasaran (*market driven*);

- (ii) mewujudkan platform kerjasama antara institusi penyelidikan, sektor kerajaan dan industri bagi menerokai bidang R&D kritikal yang memenuhi permintaan industri dan global. Antara platform kerjasama yang sedia ada adalah *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology* (CREST), Program SIRIM-Fraunhofer dan *Public-Private Research Networks* (PPRN);
- (iii) memperkasa fasiliti penyelidikan dimana sehingga kini sebanyak 698 fasiliti berkaitan penyelidikan dan 2,217 jumlah peralatan penyelidikan telah dibiayai melalui dana MOSTI. Berdasarkan Kajian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kebangsaan 2015, sehingga tahun 2014, jumlah penyelidik yang terlibat dalam R&D adalah seramai 84,516 orang, meningkat daripada 75,257 pada tahun 2012. Manakala nisbah penyelidik bagi setiap 10,000 tenaga kerja adalah 60.7 pada tahun 2014 meningkat daripada 57.4 pada tahun 2012, menghampiri sasaran nisbah 70 penyelidik bagi setiap 10,000 tenaga kerja pada tahun 2020;
- (iv) meningkatkan daya saing produk R&D melalui penambahbaikan dari segi reka bentuk produk dan tumpuan kepada pemasaran. Dengan cara ini, produk yang dihasilkan oleh usahawan akan menjadi lebih menarik dan memenuhi cita rasa semasa pembeli; dan
- (v) mengukuhkan pengurusan Dana melalui penambahbaikan mekanisme tadbir urus. Sebagai contoh, penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan diurus setia bersama MOSTI dan

Agensi Inovasi Malaysia. JKPDA bertanggungjawab menetapkan hala tuju dan memastikan R&D yang dilaksanakan adalah strategik dan berimpak tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia berada pada kedudukan yang baik dalam laporan daya saing Global Innovation Index (GII) 2016, iaitu menduduki tangga ke-35 daripada 128 buah negara. Selain itu, berdasarkan Bloomberg Innovation Index 2017, Malaysia berada di kedudukan ke-23 daripada 50 buah negara yang dinilai, naik dua (2) anak tangga berbanding kedudukan ke-25 pada tahun 2016. Ini menunjukkan inisiatif R&D negara telah menyumbang kepada peningkatan kedudukan daya saing negara di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID  
BIN IBRAHIM**

**TARIKH : 13.32017**

**SOALAN : NO. 24**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan jumlah perbelanjaan awam keseluruhan atas semua perkhidmatan dan kemudahan di semua peringkat institusi pendidikan tinggi awam dan di samping bilangan pelajar berdaftar mengikut warganegara dan bukan warganegara antara 2000-2015.**

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumber pendapatan bagi Universiti Awam (UA) adalah daripada peruntukan Kerajaan dan daripada sumber dalaman yang dijana oleh UA masing-masing. Pada tahun 2016, jumlah perbelanjaan bagi kesemua 20 buah UA adalah sebanyak RM10,228,840,426.

Berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi Negara, bagi tempoh tahun 2008 hingga 2016, enrolmen pelajar di UA adalah seramai 4,545,815 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,320,473 orang adalah pelajar warganegara dan 225,342 orang adalah pelajar bukan warganegara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK  
BADAK [ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 25**

**Datuk William @ Nyallau Anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menambahkan masa siaran Bahasa Iban di TVi dari 15 minit ke 1 jam.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) membuat penjenamaan semula TVi pada April 2011 sebagai satu saluran khusus untuk remaja di samping berperanan sebagai jendela kepada Sabah dan Sarawak. Namun begitu program-program yang disiarkan tidak memfokuskan kepada satu-satu etnik tertentu sahaja tetapi secara menyeluruh kepada semua etnik sama ada di Sabah atau Sarawak.

Buat masa ini, RTM belum mempunyai perancangan untuk menambah waktu siaran Bahasa Iban di stesen TVi memandangkan slot di TVi adalah terhad. Walau bagaimanapun, permohonan untuk menambah siaran bahasa etnik boleh dipertimbangkan secara strategik dengan mengambil kira semua permohonan etnik-etnik lain terutamanya dari Sabah dan Sarawak.

SOALAN NO: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 13 MAC 2017

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pindaan akta Kesatuan 1959 tentang proses mengundi untuk menubuhkan kesatuan sekerja.

PR-1351-L01292

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) telahpun mengadakan beberapa siri perbincangan di peringkat Kementerian bagi menyemak, meneliti dan membincangkan peruntukan-peruntukan Akta Kesatuan Sekerja 1959 (AKTA 262) bagi tujuan membuat pindaan AKTA 262. Draf akhir cadangan pindaan Akta ini akan dibentangkan ke pihak *Malaysian Trades Union Congress (MTUC)*, *Malaysian Employers Federation (MEF)*, Kongress Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara. Cadangan pindaan Akta ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2018.

2. Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak bercadang untuk membuat sebarang pindaan ke atas peruntukan dalam AKTA 262 berhubung dengan proses penubuhan sesebuah kesatuan sekerja. Jabatan berpandangan untuk mengekalkan peruntukan Seksyen 10, AKTA 262 yang sedia ada iaitu memerlukan sekurang-kurangnya tujuh (7) orang pekerja bagi menubuhkan sesebuah kesatuan sekerja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM**

**KAWASAN : SARATOK**

**TARIKH : 13.3.2017 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 27**

**YB TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah keuntungan atau kebaikan yang akan diperoleh oleh negara sekiranya syarikat asing dibenarkan menjadi pemilik saham terbesar dalam PROTON dan bagaimana Kerajaan akan menjamin nasib pekerja dalam PROTON.

**Jawapan**

Tuan Yang di-Pertua,

PROTON ialah syarikat swasta yang dimiliki penuh oleh Kumpulan DRB-HICOM sejak 2012. Kumpulan DRB-HICOM sebagai syarikat swasta bebas melakukan keputusan perniagaannya dan Kerajaan tidak sama sekali campur tangan ke atas keputusan perniagaan mana-mana syarikat swasta termasuk pemilikan ekuiti antara PROTON dan rakan kongsi strategiknya.

Buat masa ini, proses penilaian oleh pihak PROTON dan DRB-HICOM ke atas calon-calon rakan-kongsi strategik berada pada fasa yang terakhir dan hanya dapat dimuktamadkan dalam separuh pertama tahun

2017. Oleh yang demikian, sebarang bentuk perkongsian strategik termasuk pemilikan ekuiti antara PROTON dan rakan kongsi strategiknya masih lagi sedang dibincangkan.

Pemilihan rakan strategik asing adalah satu faktor penting dalam usaha untuk mencapai transformasi demi kejayaan jangkamasa panjang dan bagi memulihkan prestasi perniagaan PROTON. Perkongsian strategik ini dijangka dapat memberi keuntungan atau kebaikan kepada PROTON dari segi perkongsian teknologi, meningkatkan daya saing operasi pengeluaran dan memperluaskan pasaran. Manfaat ini juga tidak akan terhad kepada warga PROTON sahaja malah kepada semua yang terlibat dalam ekosistem industri automotif.

Dari segi perkongsian teknologi, selain daripada perkongsian platform, kedua-kedua pihak juga bakal berkongsi sumber untuk membangunkan produk baharu. Ini merangkumi elemen teknologi serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk dari segi proses pembuatan produk itu sendiri. Dengan memanfaatkan perkongsian sumber teknologi dan produk ini akan membantu PROTON menjalankan operasi domestik yang lebih besar yang membawa kepada skala ekonomi (*economies-of-scale*) yang lebih berdaya maju.

Secara tidak langsung, ini dapat membolehkan PROTON mengukuhkan kedudukannya dan mendorong keupayaan untuk bersaing di ruang pasaran yang lebih luas dari segi jualan dan eksport terutamanya di rantau ASEAN. Oleh itu, perkongsian strategik ini dijangka memberi hasil terbaik kepada semua pihak yang terlibat.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap perkembangan semasa PROTON kerana ia mempunyai impak yang besar kepada negara memandangkan ekosistem PROTON yang melibatkan 10,000 orang pekerja PROTON dan 50,000 pekerja lain yang terlibat dalam “*supply chain*” PROTON. Kerjasama antara PROTON dan rakan strategik dijangka akan mengukuhkan lagi syarikat PROTON disamping meningkatkan daya saing syarikat. Ini seterusnya dijangka akan memberi peluang pekerjaan yang stabil bagi para pekerja.

Oleh yang demikian, sepertimana yang digariskan dalam Dasar Automotif Nasional 2014, Kerajaan akan terus memberikan sokongan kepada PROTON sebagai projek nasional bagi memastikan kepentingan industri automotif tempatan terpelihara termasuk nasib pekerja PROTON.

**NO. SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9617**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pekerja asing yang memasuki negara kita mengikut tahun dari 1990-2016, warga negara, jantina, dan jenis industri.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia mengikut sektor bagi tempoh 2011 hingga 2016 adalah seperti berikut:-

Bil	SEKTOR	2011	2012	2013	2014	2015	2016
1	PERKILANGAN	738,574	698,425	742,922	741,531	745,131	648,621
2	PEMBINAAN	282,613	251,494	432,589	410,906	450,364	387,934
3	PERKHIDMATAN	175,552	171,168	267,982	269,029	293,433	253,120
4	PERLADANGAN	362,400	386,286	430,971	317,103	300,770	268,478
5	PERTANIAN	182,647	161,189	192,961	170,281	196,710	173,641
6	PEMBANTU RUMAH	227,353	174,675	169,888	155,530	148,627	134,575
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,859,139</b>	<b>1,643,237</b>	<b>2,467,213</b>	<b>2,105,280</b>	<b>2,134,935</b>	<b>1,667,349</b>

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi tempoh 2011 sehingga 2016 mengikut negara adalah seperti berikut:

		2011	2012	2013	2014	2015	2016
1	BANGLADESH	273,408	196,039	322,750	296,930	282,437	252,365
2	CAMBODIA	45,888	24,444	13,839	9,429	8,391	5,995
3	CHINA	10,477	9,232	11,712	12,288	13,174	13,441
4	INDIA	112,287	100,855	124,017	105,188	139,751	119,984
5	INDONESIA	909,917	881,739	1,021,655	817,300	835,965	758,487
6	LAOS	75	91	113	84	61	37
7	MYANMAR	168,080	136,975	161,447	143,334	145,652	138,492
8	NEPAL	283,643	319,619	385,466	490,297	502,596	405,336
9	PAKISTAN	34,404	34,354	50,662	51,563	72,931	62,745
10	PHILLIPINES	49,339	56,117	69,126	63,711	65,096	58,366
11	SRI LANKA	5,488	5,287	6,492	7,137	7,008	6,198
12	THAILAND	15,259	26,088	17,044	12,467	13,547	12,374
13	VIETNAM	60,874	52,397	52,990	54,652	48,426	32,549
<b>Jumlah</b>		<b>1,931,133</b>	<b>1,601,437</b>	<b>2,274,113</b>	<b>1,761,330</b>	<b>1,900,407</b>	<b>1,520,131</b>

**NO. SOALAN : 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Haji Abdul Manan Bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah bentuk bantuan Kerajaan dalam membantu pengusaha ekopelancongan terutama kepada mereka yang mahu membangunkan sesebuah kawasan secara lestari dan nyatakan program ekopelancongan yang disenaraikan mengikut peruntukan RM400 juta yang diumumkan pada Bajet 2017.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sememangnya ada menawarkan bantuan dana pelancongan dalam bentuk pinjaman (*softloan*) yang dikelolakan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), iaitu Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan (TPIP) kepada pengusaha pelancongan tempatan yang layak.

Tujuan dana ini adalah untuk membantu pengusaha berkeelayakan yang ingin membangunkan atau meningkatkan mutu produk-produk pelancongan termasuk premis penginapan seperti hotel, resort, chalet dan membiayai pembangunan projek-projek seperti taman tema, galeri, muzium dan lain-lain projek yang boleh menjana pendapatan daripada sektor pelancongan. Justeru itu, mana-mana pengusaha yang berhasrat untuk menyumbang kepada pembangunan sektor ekopelancongan negara dan menepati syarat-syarat yang ditetapkan adalah dialu-alukan bagi memohon dana pelancongan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sememangnya mengutamakan pembangunan Ekopelancongan. Di bawah Bajet 2017, Kementerian telah mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM 38.9 juta kepada Kementerian Kewangan bagi tujuan pembangunan sektor ekopelancongan negara. Projek-projek yang dimohon meliputi

pelbagai projek bertemakan ekopelancongan dan alam semulajadi di seluruh negara. Antara projek tersebut adalah penganjuran acara-acara bertemakan alam semulajadi, penambahbaikan kepada kemudahan dan infrastruktur produk-produk ekopelancongan, program pemasaran dan promosi di dalam dan luar negara serta program-program latihan dan kesedaran berkaitan pemuliharaan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI**

**[ PKR – BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**SOALAN : 30**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [ Batu Pahat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan contoh tentang keadaan yang Majlis Keselamatan Negara (MKN) menganggap sebagai ancaman keselamatan yang memerlukan pengisytiharan “Kawasan Keselamatan”.**

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada asasnya, perisytiharan kawasan keselamatan di bawah Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 akan dibuat apabila mana-mana kawasan di Malaysia diganggu atau diancam dengan serius oleh mana-mana orang, perkara atau benda yang menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan bahaya yang serius kepada orang ramai, wilayah, ekonomi, infrastruktur utama negara atau apa-apa kepentingan Malaysia yang lain.

Contohnya pencerobohan oleh pihak asing (aktor bukan negara), serangan oleh kumpulan penganas, militan dan ekstremis yang dilengkapi dengan teknologi canggih dan terkini serta serangan kimia, biologi, nuklear dan radiologi atau kemusnahan alam sekitar yang mengakibatkan kerosakan dan kebinasaan pada skala besar kepada negara dan kemudatan kepada orang ramai.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9615**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk membaiki kedudukan Malaysia dalam laporan tahunan dan dalam melawan penyeludupan manusia di Malaysia memandangkan Malaysia masih berada di Tier 2 "2016 Trafficking in Persons (TIP) Report of the United States".**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai Pamerdagangan Orang merupakan penilaian prestasi negara-negara dalam menangani isu pamerdagangan orang bagi tempoh bermula 1 April sehingga 31 Mac setiap tahun. Penilaian tahunan ini melibatkan 188 buah negara termasuk Malaysia dan setiap negara akan diletakkan sama ada berada di tahap terbaik iaitu *Tier 1*, diikuti oleh *Tier 2*, *Tier 2 (Watchlist)* dan *Tier 3*. Penilaian ini adalah bersifat subjektif dan tertakluk kepada pematuhan terhadap *United Nations Convention Against Transnational Organized Crime (UNTOC)*, *Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons Especially Women and Children (TIP Protocol)* serta pematuhan terhadap standard minimum di bawah *United States Trafficking Victim Protection Act (TVPA)*.

Malaysia telah menandatangani UNTOC pada 26 September 2002 dan meratifikasinya pada 24 September 2004 serta menganggotai *TIP Protocol* pada 26 Februari 2009. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memerangi jenayah ini selaras dengan komitmen negara seperti yang terkandung dalam konvensyen dan protokol antarabangsa tersebut.

**Bagi memperkasakan perundangan berkaitan, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 telah dipinda untuk kali kedua dan mula dikuatkuasakan pada November 2015. Pindaan ini telah berkuatkuasa pada 18 November 2015. Pindaan kepada ATIPSOM 2007 adalah bagi memperkasakan perundangan sedia ada antara lain telah memeruntukkan kebenaran untuk mangsa pemerdagangan orang bergerak bebas dan bekerja, pemberian pampasan kepada mangsa dan penglibatan lebih aktif Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam perlindungan dan penjagaan mangsa.**

**Jabatan Negara Amerika Syarikat telah meletakkan Malaysia pada kedudukan *Tier 2 (Watchlist)* dalam penilaian tahunan mengenai pemerdagangan orang bagi tahun 2016. Melalui laporan tersebut beberapa penambahbaikan telah dicadangkan dan dilaksanakan oleh Malaysia seperti pelaksanaan Peraturan-Peraturan Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Kebenaran Untuk Bergerak Bebas dan Untuk Bekerja) (Warganegara Asing) 2016 yang telah dikuatkuasakan pada 4 Mei 2016. Dalam hal ini, kemudahan-kemudahan tersebut telah dimanfaatkan oleh seramai 25 orang mangsa bagi tujuan kebenaran bergerak bebas dan 10 orang mangsa telah diberikan kebenaran bekerja setelah tamat tempoh perlindungan.**

**Selain itu, Malaysia juga telah berjaya meningkatkan jumlah sabitan kepada 100 sabitan pada tahun 2016 termasuk kes**

**penyeludupan migran berbanding 7 sabitan pada tahun 2015. Bagi pengurusan kes, mesyuarat berkala melibatkan pelbagai agensi termasuk pegawai pelindung diadakan bagi membincangkan kes yang akan dan sedang dibicarakan serta keadaan semasa mangsa. Kerjasama dengan NGO turut disentuh dalam penilaian tersebut dan beberapa siri keterlibatan telah diadakan dalam usaha kerajaan meningkatkan bilangan NGO yang bertindak sebagai pegawai pelindung dan menguruskan rumah perlindungan di samping melaksanakan program-program di Rumah Perlindungan.**

**Bagi meningkatkan kesedaran pekerja mengenai hak-hak mereka dan tanggungjawab majikan, sesi turun padang dan keterlibatan dengan industri dan pekerja telah diadakan di seluruh Malaysia. Ini bagi memastikan maklumat yang tepat diberikan dan mampu mengurangkan risiko pekerja untuk dieksploitasi.**

**Pada 15 Ogos 2016, Malaysia telah melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang fasa kedua bagi tempoh 5 tahun iaitu dari 2016 hingga 2020. Pelan tindakan ini menggariskan 9 bidang program bagi menyokong 9 matlamat strategik serta 5 prinsip panduan seperti berikut :**

- i. tanggungjawab Kerajaan;**
- ii. penyertaan masyarakat sivil;**
- iii. layanan terhadap mangsa berdasarkan hak asasi manusia;**

- iv. koordinasi dengan pertubuhan antarabangsa dan NGO; dan**
- v. penilaian sistematik dan ketahanan.**

**Dokumen ini merupakan panduan ahli MAPO untuk bersama-sama membanteras jenayah ini mengikut bidang tanggungjawab dan kepakaran masing-masing.**

**Seiring dengan ancaman semasa, program bina upaya turut diadakan bagi memastikan agensi penguatkuasa sentiasa dilengkapi dengan kemahiran, kebolehan dan keupayaan yang sewajarnya. Langkah-langkah ini diyakini mampu memerangi jenayah pemerdagangan orang di peringkat serantau dan antarabangsa.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]  
TARIKH : 13 MAC 2017  
SOALAN :**

**YB Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) bilangan hospital kerajaan baru yang telah diluluskan pembinaannya sejak 2009 dan jumlah katil hospital yang telah ditambah ; dan
- (b) apakah nisbah katil hospital Kerajaan bagi setiap 1000 penduduk yang disasarkan Kerajaan supaya setanding dengan negara-negara maju yang lain, berapakah jumlah peruntukan diperlukan untuk mencapai angka di atas.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Mengikut kaedah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT), projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 diluluskan pada awal RMK-9 iaitu pada tahun 2006. Mulai Rancangan Malaysia Ke-10, kaedah permohonan projek secara *Rolling Plan* telah diperkenalkan dan membolehkan projek diluluskan mengikut setiap tahun.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diluluskan sebanyak tujuh (7) Hospital baru di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 yang merangkumi tempoh pelaksanaan dari tahun 2006 hingga 2010; lapan (8) projek hospital baru di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 merangkumi tahun pelaksanaan 2011 hingga tahun 2015 dan lima (5) projek hospital baru di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu mulai dari tahun 2016 hingga kini. Agihan hospital baru adalah seperti berikut:

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebanyak 23 projek hospital baru telah diluluskan pembinaannya semenjak tahun 2009 sehingga kini (*Rolling Plan* (dengan izin) ke dua RMKe-11) dengan jumlah katil sebanyak 3,734 buah. Namun begitu sebahagiannya adalah projek-projek hospital gantian kepada hospital sedia ada (iaitu 10 projek dengan jumlah katil 1,348 buah) kerana kemudahan yang lama sudah tidak sesuai dan tiada keberkesanan kos untuk di naik taraf .

Selain daripada projek-projek hospital baru sejumlah besar pertambahan katil di hospital Kementerian kesihatan juga akan diperolehi daripada projek-projek naiktaraf hospital sediaada sebanyak 39 projek dengan jumlah katil 5,267 buah dengan pembinaan blok-blok tambahan di tapak masing-masing. Projek-projek berkenaan berada di pelbagai peringkat perancangan dan pembinaan serta sebahagian daripadanya telah siap.

Pada tahun 2015, nisbah katil hospital (kerajaan dan swasta) bagi setiap 1000 penduduk adalah 1.99. KKM mensasarkan nisbah ini ditingkatkan kepada 2.3 katil bagi setiap 1000 penduduk menjelang tahun 2030. Berdasarkan tren masa lalu 62% daripada jumlah katil hospital dinegara ini disumbang oleh Kementerian Kesihatan. Ini bermakna sehingga tahun 2030 sejumlah 13,562 katil perlu disediakan oleh Kementerian iaitu bersamaan 904 katil setahun. Bagi mencapai sasaran ini, anggaran jumlah peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak RM1.35 billion setahun (berdasarkan anggaran kos pembinaan RM1.5 juta per katil).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH**  
**PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]**  
**TARIKH : 13.3.2017 (ISNIN)**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan tindakan pihak Kerajaan terhadap isu kekurangan minyak masak yang sering berlaku khususnya pada musim perayaan seperti yang berlaku baru-baru ini dan apakah tindakan Kementerian terhadap pekedai-pekedai atau peniaga-peniaga yang didapati menyorok minyak masak tersebut.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pada masa ini, isu gangguan bekalan minyak masak bersubsidi telah semakin berkurangan berbanding ketika tempoh peralihan pengurusannya pada penghujung tahun 2016 yang lalu.

Walau bagaimanapun, permintaan terhadap minyak masak bersubsidi didapati meningkat secara mendadak terutama pada musim perayaan sepertimana yang berlaku semasa sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini. Dalam hal ini, Kementerian ini telahpun mengeluarkan arahan kepada kilang penapis dan syarikat pembungkus minyak masak untuk memastikan bekalan minyak masak adalah mencukupi dan berada di pasaran.

Selain itu, aktiviti penguatkuasaan serta pemeriksaan mengejut turut dilaksanakan secara berkala oleh pihak penguatkuasa Kementerian ini ke kilang penapis, syarikat pembungkus serta premis pemborong dan peruncit di seluruh negara bagi memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan menyorok minyak masak bersubsidi.

Sekiranya didapati berlaku aktiviti menyorok minyak masak dengan tujuan menjual melebihi harga yang ditetapkan oleh Kerajaan, peniaga tersebut boleh disabitkan kesalahan di bawah peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan seterusnya dikenakan tindakan rampasan atau sitaan barang, penggantungan atau pembatalan lesen.

Sejak 21 Oktober 2016 sehingga 12 Mac 2017, sebanyak 272,212 pemeriksaan telah dijalankan meliputi kilang penapis, syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit. Hasil pemeriksaan tersebut

sebanyak 49 kes telah diambil dengan nilai rampasan RM705,630.56. Daripada jumlah kes tersebut 26 kes telah dikenakan kompaun dan 16 kes telah dihadapkan ke mahkamah atas pelbagai kesalahan termasuklah menyorok bekalan minyak masak. Manakala 7 kes lagi masih dalam tindakan siasatan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH  
BINTI MAHMUD [ KOTA  
RAJA ]**

**TARIKH : 13.3.2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 34**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap  
usaha MARA untuk melaksanakan pengajian berbayar  
di MRSM.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, permohonan yang diterima untuk kemasukan ke MRSM bagi tahun 2017 adalah sebanyak 60,000 berbanding kekosongan sebanyak 7,000 bagi tingkatan 1 dan 4 di 52 MRSM seluruh Malaysia.

MARA dalam peringkat kajian berkaitan cadangan penubuhan MRSM berbayar bagi memenuhi permintaan dan keperluan pendidikan bagi masyarakat yang berpendapatan tinggi.

Melalui penubuhan MRSM berbayar ini, MARA dapat membuka lebih banyak peluang kepada masyarakat yang berkemampuan untuk menghantar anak-anak mereka mengikuti sistem pengajian di MRSM.

Sehubungan itu, pada masa ini bukan menjadi pendirian MARA untuk menjadikan semua MRSM sedia ada sebagai MRSM berbayar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta PERDANA MENTERI menyatakan cadangan Kerajaan menambah atau mengurangkan saiz perkhidmatan awam di 5 tahun yang akan datang. Jumlah peratus penjawat awam yang berumur 50 ke atas.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menambah atau mengurangkan saiz Penjawat Awam di negara ini. Pada masa yang sama, Kerajaan sentiasa mengambil usaha-usaha untuk mengoptimumkan sumber manusia di sektor awam untuk memastikan sumber manusia sedia ada di sektor awam dapat digunakan sepenuhnya bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan sektor awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 2 Mac 2017, jumlah pegawai awam (tidak termasuk tentera dan polis) yang berumur 50 tahun dan ke atas adalah seramai 233,337 orang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK KOH NAI WONG

TARIKH: 13 MAC 2017

SOALAN:

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkembangan terkini “Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti” atau “*Productivity Linked Wage System*” yang dibentangkan dalam rancangan Malaysia ke-11 serta apakah usaha dan insentif untuk memperluaskan sistem tersebut di kalangan majikan.

PR-1351-L01280

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe 11), 2016-2020 telah dirangka dengan pelbagai pendekatan baharu ke arah mencapai status negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 selaras dengan wawasan negara. Harapan untuk melihat tenaga kerja yang berdaya saing, kreatif dan inovatif di peringkat nasional dan global adalah cabaran besar dalam peningkatan produktiviti seterusnya menjadi pemangkin kepada peningkatan ekonomi. Tidak dapat dinafikan bahawa idea-idea sektor swasta sebagai pemain utama dalam peningkatan produktiviti yang berterusan dan menjana pertumbuhan ekonomi negara perlulah diberi perhatian serius.

2. RMKe 11 juga menekankan kepentingan peningkatan upah dan produktiviti. Kerajaan telah menetapkan sasaran pertumbuhan produktiviti adalah 3.7% setahun. Produktiviti buruh pula disasarkan meningkat dari RM77,100.00 kepada RM92,300.00 pada tahun 2020. Manakala sasaran peningkatan pendapatan isi rumah pula bagi golongan B40 adalah daripada RM2,537.00 sebulan kepada RM5,270 pada tahun 2020.

3. Program memacu pelaksanaan *Productivity Linked Wage System* (PLWS) terutamanya bagi pengusaha kecil dan sederhana (PKS) ini digalas oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia secara khususnya.

4. Usaha dan insentif untuk memperluaskan pelaksanaan sistem PLWS merangkumi pelbagai aktiviti promosi yang giat dijalankan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan yang lain seperti Perbadanan Produktivi Malaysia (MPC), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan lain-lain.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Disamping itu, usaha dan insentif yang dirancang sepanjang tahun 2017 merangkumi teras-teras berikut : pembangunan modal insan (*capacity building*), pengukuhan dan pemantapan PLWS dan juga promosi dan publisiti PLWS. Antara aktiviti-aktiviti utama yang dirancang bagi tahun 2017 adalah seperti berikut :

- i) *ASEAN Productivity Wages Conference (ASEAN PLiC)*
- ii) Beberapa siri bengkel dan seminar berkaitan PLWS kepada para majikan dan kesatuan yang terdiri daripada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berkaitan sistem ini
- iii) Hari PLWS bagi berkongsi amalan inovasi dan amalan terbaik untuk dicontohi syarikat lain;
- iv) Program SME@U, di mana PLWS dimasukkan sebagai salah satu modul dalam kursus jangka pendek yang dijalankan di universiti-universiti terpilih tempatan khas buat syarikat-syarikat PKS di Malaysia;

- v) Pengiklanan melalui media massa, media cetak/elektronik dan lain-lain; dan
- vi) JPPM juga telah mewujudkan portal MyPLWS melalui [url:www.plws.gov.my](http://www.plws.gov.my). Pelbagai maklumat berkaitan PLWS boleh didapati melalui portal ini.

6. Dari sudut pencapaian, setakat 31 Januari 2017, jumlah majikan yang telah melaksanakan PLWS adalah sebanyak lapan puluh ribu, tujuh ratus lima puluh tujuh (80,757) syarikat/majikan. Manakala seramai tiga juta, enam ratus empat puluh ribu, dua ratus enam puluh (3,640,260) orang pekerja menikmati faedah dari pelaksanaan PLWS di tempat pekerjaan mereka.

**NO. SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9790**

**SOALAN:**

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) sama ada Kerajaan Malaysia mengetahui di mana Jho Low kini berada; dan**
- (b) sama ada Jho Low akan dapat membantu dan menjelaskan penglibatannya dalam pemindahan dana daripada 1MDB, sama ada Kerajaan telah menyiasat Jho Low untuk kes pengubahan wang haram.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis menerusi Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman sedang menjalankan siasatan ke atas Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan (Pecah Amanah Jenayah). Siasatan ke atas Syarikat 1MDB juga merangkumi dapatan dalam Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) ke atas Syarikat tersebut. Semua saksi yang terlibat jika perlu akan dipanggil oleh pihak polis untuk dirakam percakapan dalam siasatan lanjut yang dijalankan.**

**Pihak polis akan memanggil penama tersebut jika terdapat keperluan untuk beliau hadir bagi membantu siasatan polis. Setakat ini, tiada pertemuan di antara beliau dengan pihak polis.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK JOSEPH SALANG ANAK**  
**GANDUM**  
**[ JULAU ]**

**TARIKH** : **13 MAC 2017**

**SOALAN** : **Datuk Joseph Salang Anak Gandum**  
**[Julau] minta MENTERI LUAR NEGERI**  
menyatakan langkah-langkah yang diambil  
oleh negara kita untuk menghadapi situasi  
yang tidak menentu di Laut China Selatan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Julau di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek:-

**Pertama, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.**

**Kedua, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China.**

3. **Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan, dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan, menimbulkan ketegangan, kebimbangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Di dalam konteks ini, *non-militarisation, self-restraint* serta mengelakkan penggunaan kekerasan adalah amat kritikal.**

4. **Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah diselesaikan secara aman. Semua tuntutan dan penyelesaiannya melalui rundingan dan sebagainya**

mestilah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah **Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982** atau **UNCLOS 1982**. Penyelesaian pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Tribunal Timbangtara merupakan opsiyen yang diberikan oleh undang-undang antarabangsa.

5. **Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah **UNCLOS 1982**.**

6. **Malaysia juga berpendirian bahawa tidak wujud sebarang tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan.**

7. **Malaysia turut berpendirian bahawa semua ciri-ciri geografi atau dengan izin *maritime features* yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia merupakan kepunyaan Malaysia.**

Tuan Yang di-Pertua,

8. **Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani **Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)*** pada 4 November 2002.**

9. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

10. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang berusaha untuk mewujudkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***.

11. Sayugia saya nyatakan bahawa *DOC* serta *COC* yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Berhubung dengan kehadiran dan penempatan tentera oleh pihak China, saya ingin maklumkan bahawa kehadiran dan penempatan tentera ini di Laut China Selatan tidak melibatkan kawasan maritim Malaysia. Oleh yang demikian pada hemat saya, ia tidak memberikan kesan secara langsung kepada kepentingan dan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, tindakan China berpotensi meningkatkan ketegangan serantau dan mengubah dinamik geopolitik di kawasan Laut China Selatan.

13. Saya juga ingin maklumkan bahawa undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS 1982* memperuntukkan hak kebebasan pelayaran, atau dengan izin, *freedom of navigation* kepada kapal-kapal asing termasuklah kapal perang dan kapal penguatkuasa di dalam kawasan perairan Malaysia. Sehubungan dengan itu, kehadiran kapal-kapal ini di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ)

Malaysia tidak boleh dibantah melainkan kapal-kapal ini melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan aspek pelayaran seperti melaksanakan penguatkuasaan, mengganggu aktiviti kapal-kapal dan sebagainya.

14. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Segala isu akan diteliti dari segenap aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

15. Rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara.

16. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**  
**TARIKH : 13.3.2017 (ISNIN)**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN menyatakan :-**

- (a) apakah rancangan Kementerian untuk mengawal dan menyelesaikan isu kenaikan harga barang keperluan harian secara mendadak yang kini semakin membebankan rakyat.; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kementerian dan tindakan undang-undang yang perlu dikuatkuasa ke atas peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang lebih daripada 10% ekoran daripada kenaikan harga minyak dunia.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa mengambil usaha untuk memastikan harga barangan keperluan dijual pada harga yang berpatutan. Kementerian telah dan sedang mengatur beberapa inisiatif bagi menangani isu harga barang seperti berikut:

- i. mengadakan program **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** yang bertujuan menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan seperti Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas;
- ii. mengadakan **kerjasama bersama agensi kerajaan lain** yang mengawal selia bekalan barangan perlu untuk memastikan supaya bekalan mencukupi dan dapat diperolehi dengan harga berpatutan serta mengadakan program bagi menyediakan barang keperluan dengan harga yang lebih murah dan berpatutan kepada pengguna seperti **MyFARM Outlet**. Program ini adalah kerjasama antara KPDNKK, MOA dan KKLW;
- iii. memperkenalkan program **Friends of KPDNKK** selaras dengan hasrat Kementerian sebagai **Caring Ministry**. Pengguna yang menyertai program ini adalah mata dan telinga Kementerian. Kementerian akan bekerjasama dengan mereka untuk menyebarkan maklumat berhubung kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang; dan

- iv. menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga untuk diambil tindakan oleh Kementerian.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Langkah-langkah dan tindakan undang-undang yang dilaksanakan Kementerian bagi memantau peniaga-peniaga yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barangan seperti berikut:

- i. melaksanakan penguatkuasaan tegas di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga atau mencatut;
- ii. mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** dalam usaha untuk **menangani pertanyaan, maklum balas dan menyelesaikan aduan rakyat dengan lebih cepat dan pantas;** dan
- iii. meningkatkan **keberadaan (*omnipresence*)** pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai bagi mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika.

Peniaga-peniaga yang melakukan kesalahan atau mencatut boleh diambil tindakan dan dikenakan denda di bawah Akta Kawalan Harga dan AntiPencatutan 2011. Bagi orang perseorangan, denda sebanyak RM100,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya akan dikenakan bagi kesalahan pertama manakala kesalahan kedua dan berikutnya akan dikenakan denda sebanyak RM250,000 atau lima tahun penjara

atau kedua-duanya, manakala bagi pertubuhan Perbadanan atau syarikat akan dikenakan denda sebanyak RM500,000 bagi kesalahan pertama manakala denda sebanyak RM1 juta bagi kesalahan kedua atau berikutnya.

Kementerian percaya dengan usaha-usaha pengawalan yang berterusan melalui program serta tindakan penguatkuasaan bagi mengawal isu harga barangan akan dapat menangani tindakan peniaga yang cuba mengeksploitasi harga barangan dan sekaligus mempertingkatkan kesejahteraan rakyat.

NO. SOALAN: 40

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
[ PARIT SULONG]**

**TARIKH : 13 MAC 2017 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan dengan kerjasama pelbagai pihak dalam membanteras fahaman ekstremis agama di Malaysia agar perpaduan dan keharmonian masyarakat berbilang kaum terpelihara.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat peka dan prihatin dengan mana-mana individu atau gerakan yang membawa dan mempromosikan ideologi serta fahaman ekstremis dalam perjuangan dan pergerakan mereka serta menggunakan nama agama bagi meraih populariti dan kepercayaan masyarakat. Fahaman-fahaman yang pada

mulanya bersifat ancaman terhadap agama jika tidak dibendung dikhuatiri boleh bertukar kepada ancaman terhadap keselamatan negara.

Pengawalan ajaran yang bertentangan dengan Islam adalah di bawah Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang diperuntukkan di negeri-negeri. Namun, usaha bagi menangani masalah yang timbul dan mengatasi salah faham serta kekeliruan masyarakat berkaitan ideologi dan fahaman ekstremis ini melibatkan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri melalui Majlis/Jabatan Agama Islam Malaysia (MAIN/JAIN) selaku pihak berkuasa agama negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta pihak berkuasa keselamatan serta agensi-agensi lain yang berkaitan. Kerjasama ini akan dijalankan dari semasa ke semasa dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan serta sebagai langkah pencegahan.

Dalam usaha memberi kefahaman kepada masyarakat tentang bahaya ancaman fahaman ekstrem ini, pihak kerajaan melalui JAKIM dengan kerjasama beberapa agensi dan jabatan kerajaan persekutuan dan negeri telah mengambil inisiatif melaksanakan program-program penerangan dan penjelasan di seluruh negara mengenai konsep jihad dalam Islam yang menjadi kekeliruan masyarakat sehingga mendorong mereka terjebak dengan kumpulan militan yang dimaksudkan. Sepanjang tahun 2016 JAKIM telah melaksanakan program bersemuka melalui program penerangan, wacana, seminar dan sebagainya yang mencapai jumlah sasaran sebanyak 73,120 orang dan program melalui Media seperti Radio dan TV mencapai 1,200.000 penonton.

Antara usaha-usaha dan program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- 1) Konvensyen Pemimpin Mahasiswa Islam Nasional di ILIM, Bangi pada 14-15 Mac 2015 yang melibatkan seramai 300 orang pemimpin pelajar universiti seluruh Malaysia;
- 2) Seminar Penjelasan Isu Semasa kepada pegawai JAKIM dan JAIN pada 20 Mac 2015 bertempat di Masjid Putra, Putrajaya;
- 3) Wacana Intelektual Akidah : Ancaman Ideologi Semasa dan Kesannya kepada Ummah dan Perlembagaan Negara” dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang (KIPSAS) pada 23 Mac 2015 di KIPSAS, Pahang kepada 800 orang pegawai dan kakitangan JAIP, pensyarah serta pelajar dan gugu-guru takmir masjid;
- 4) menyediakan teks khutbah jumaat khas yang menjelaskan konsep jihad dan isu-isu yang berkaitan dengannya dan dibacakan di masjid-masjid utama negara dan disiarkan secara langsung di TV1;
- 5) menerbitkan dan menyiarkan program ceramah dan forum melalui penerbitan media elektronik TV dan radio seperti Forum Perdana Hal Ehwal Islam dan sebagainya;
- 6) Seminar Kelestarian Keselamatan Negara dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara pada 16 April 2015;
- 7) Siri Program Jihad dan aliran ekstremisme di Malaysia dengan kerjasama PDRM dan Jabatan Penjara Malaysia;

- 8) *International Conference on Deradicalisation and Countering Violent Extremisme* 2016 dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri;
- 9) *Developing a Whole of Government Soft Power Response to Terrorisme and Extremism* di INTIM, Wilayah Selatan khusus untuk penjawat awam;
- 10) Program Jelajah Penerangan Bahaya Ancaman Militan kepada Keselamatan Negara (Zon Timur) dikhususkan kepada Imam, Tok siak, Bilal dan Pengurusan Masjid; dan
- 11) Penubuhan Jawatankuasa Promosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang berperanan dalam melaksanakan program-program ke arah mewujudkan persefahaman antara penganut-penganut agama dan keharmonian hidup bermasyarakat.

Ringkasnya, melalui Jawatankuasa Khas (task-force), JAKIM bersama-sama pelbagai agensi melaksanakan pelbagai program penerangan dan kesedaran mengenai konsep Jihad, bahaya fahaman eksremis agama dan isu-isu keselamatan negara

Disamping itu, tindakan penguatkuasaan bagi kesalahan berkaitan ajaran sesat dan ekstrem agama yang bertentangan dengan enakmen Syariah adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri masing masing. Walau bagaimanapun program-program penerangan dan penjelasan ini akan terus dilaksanakan sehingga kerajaan berpuas hati bahawa ancaman keselamatan negara dapat diatasi dan keharmonian seluruh warga dapat dinikmati dengan selesa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13 MAC 2017  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW  
[ KEPONG ]**

**SOALAN :-**

**YB. Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keadaan sisa pepejal di negara dan projek insinerator Taman Beringin, Kepong.

- iv. memperkenalkan mekanisma baharu bagi mengurangkan penjanaan sisa makanan seperti mewajibkan pihak industri dan restoran merawat sisa makanan di punca menggunakan teknologi kompos atau *anearobic digester*.

Inisiatif pengamalan 3R ini diperkukuh dan diperluaskan melalui pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca yang bermula pada 1 Jun 2016 seiring dengan usaha mendidik masyarakat di negara ini untuk menguruskan sisa pepejal secara berhemah.

Secara umumnya, menerusi pembudayaan amalan 3R yang menyeluruh akan menyumbang kepada impak berikut:

- i. Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan;
- ii. Mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal;
- iii. Memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan;
- iv. Meningkatkan kadar kitar semula negara;
- v. Menjana sumber ekonomi negara melalui industri kitar semula; dan

akan dipertimbangkan untuk digunapakai jika teknologi tersebut memenuhi 3 syarat yang telah ditetapkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu terbukti, mesra alam dan “*value for money*”.

Pada masa ini, proses tender bagi mereka bentuk, membina dan mengendalikan loji *Waste to Energy* (WtE) di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Kepong, Kuala Lumpur sedang dilaksanakan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan telah memutuskan supaya Cadangan Projek Loji Rawatan Sisa Pepejal Waste-to-Energy (WtE) di Kuala Lumpur dilaksanakan secara tender terbuka antarabangsa. Proses tender tersebut telah pun dimulakan pada 29 September 2015 dan tarikh akhir pihak pembida membuat serahan tender kepada Kerajaan adalah pada 29 Februari 2016. Proses penilaian di peringkat *Best and Final Offer* (BaFO) baru sahaja selesai dan Kerajaan di peringkat akhir untuk memilih pembida berjaya sebelum syor diangkat untuk pertimbangan jawatankuasa tender dan pengurusan tertinggi Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK**  
**[ SEREMBAN ]**  
**TARIKH : 13 MAC 2017**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan untuk melaksanakan agenda pembaharuan dan reformasi Parlimen dengan menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pemilih (Parliamentary Select Commitees) dan bilakah ia dapat dilaksanakan.

**JAWAPAN: YB. DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahbaikan atau pembaharuan Parlimen telah dilaksanakan melalui pindaan kepada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat seperti pindaan kepada pertanyaan jawab lisan, mewujudkan Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri dan mewujudkan Kamar Khas. Cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan baharu ditangguhkan bagi maksud menjalankan kajian perbandingan yang lebih mendalam. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian ke atas semua cadangan-cadangan penambahbaikan atau pembaharuan Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TERESA KOK SUH  
SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta PERDANA MENTERI menyatakan rasional Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang yang mengurangkan bilangan maksimum percubaan untuk Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (Certificate of Legal Practice) daripada 8 kali percubaan kepada 4 kali percubaan bagi graduan kursus undang-undang yang perlu menduduki peperiksaan tersebut. Adakah Kerajaan menetapkan kuota kelulusan bagi peperiksaan tersebut.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Kelayakan yang bertanggungjawab mengendalikan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman tidak pernah mempunyai dasar lapan kali percubaan bagi mana-mana calon yang layak menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman. Calon yang mendaftar dibenarkan menduduki Peperiksaan itu sebanyak empat kali percubaan sahaja melainkan calon itu membayar Yuran Pendaftaran dan Yuran Peperiksaan berjumlah RM4,000 seperti mana pendaftaran pada kali pertama sekiranya calon itu ingin mengulangi Peperiksaan itu.

Mengenai isu kuota kelulusan bagi Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, Sijil Amalan Guaman yang dianugerahkan oleh Lembaga Kelayakan adalah semata-mata berasaskan kepada merit dan bukannya kuota. Lembaga Kelayakan sentiasa memastikan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman dijalankan dengan telus dan penuh kredibiliti. Lembaga Kelayakan tidak pernah mengamalkan sistem 'kuota' kelulusan. Segala keputusan berkaitan dengan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman dibuat secara adil, telus dan profesional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, suatu Jawatankuasa Khas untuk menyediakan rangka tindakan (*blueprint*) yang holistik bagi profesion

undang-undang akan ditubuhkan dalam masa yang terdekat. Jawatankuasa Khas ini antara lain akan mengkaji cadangan-cadangan pindaan yang komprehensif kepada Akta 166 termasuk juga isu berkaitan dengan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH: 13 MAC 2017

SOALAN:

**Datuk Juslie bin Ajerol [ Libaran ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha penjelasan dan maklum balas langkah wajib mencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) terhadap lebih 160,000 pemandu teksi, kereta sewa, Uber dan *Grabe Car* di seluruh negara.

PR-1351-L00514

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, setelah menjalankan sesi libat urus bersama semua agensi yang berkaitan dan bagi memastikan skim ini dapat menawarkan faedah-faedah yang setara dengan Skim Bencana Pekerjaan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4]. Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Skim ini secara mandatori kepada semua pemandu teksi yang bekerja sendiri dan individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya seperti perkhidmatan kereta sewa, *Uber* atau *GrabCar* layak dilindungi di bawah Akta baharu ini dan tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.  
SANTIAGO [ KLANG ]**  
**TARIKH : 13 MAC 2017**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah skop skema "*Full Paying Patient*" (FPP) dan keuntungan yang dijangka akan didapati oleh Kerajaan pada tahun 2017. Adakah Kerajaan bercadang untuk kaji "*Full Paying Patient*" terhadap perkhidmatan kesihatan di hospital dan pesakit.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh atau *Full Paying Patients* (FPP) telah dimulakan sebagai projek rintis di Hospital Putrajaya dan Hospital Selayang sejak tahun 2007. Berikutan dengan ini, peluasan pelaksanaan perkhidmatan FPP ini telah dibuat secara berfasa di mana Fasa I bermula pada 2015 yang melibatkan lapan (8) buah hospital.

Merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Pesakit Bayar Penuh) 2007, Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 2/2015, skop perkhidmatan FPP adalah merangkumi spektrum perkhidmatan pesakit luar (*outpatient*), perkhidmatan pesakit jagaan harian (*daycare*) dan perkhidmatan pesakit dalam (*inpatient*).

Objektif utama perkhidmatan ini adalah sebagai salah satu pakej retensi bagi Pegawai Perubatan Pakar agar isu penghijrahan Pegawai Perubatan Pakar ke hospital swasta dapat dikurangkan di mana kekurangan Pegawai Perubatan Pakar ini akan memberi impak negatif kepada perkhidmatan perubatan yang disediakan di hospital pakar kerajaan.

Setakat ini tiada kajian terperinci yang dilakukan untuk menilai sama ada skim ini telah berjaya mengurangkan perletakan jawatan Pegawai Perubatan Pakar kerajaan memandangkan perkhidmatan ini masih diperingkat awal perluasan. Institut Pengurusan Kesihatan dan Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan telah maklum mengenai terdapat keperluan untuk menjalankan kajian terperinci berkenaan perkhidmatan FPP.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO**  
**[ KLANG ]**  
**TARIKH : 13.3.2017 (ISNIN)**

**Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah paten ubat yang didaftarkan oleh rakyat dan firma milik Malaysia, MNC yang melabur di Malaysia dan oleh MNC lain dari luar negara dari tahun 2000 hingga 2016.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Klang, berdasarkan statistik permohonan paten di Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO), sebanyak 10,276 paten berkaitan ubat-ubatan telah dipohon oleh firma tempatan dan luar negara dari tahun 2000 hingga 2016. Daripada jumlah tersebut sebanyak 163 merupakan permohonan tempatan manakala sebanyak 10,113 adalah permohonan luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN**  
**[TANJONG MANIS]**  
**TARIKH : 13.03.2017 (ISNIN)**  
**NO. SOALAN : 47**

**YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [Tanjong Manis]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah bentuk dan peranan yang dimainkan oleh Halal Industry Development Corporation (HDC) dalam membantu Hab/Taman Halal yang beroperasi di seluruh negara untuk mendapatkan peruntukan infrastruktur dan mempromosi pelabur berpotensi.

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat ini sebanyak 15 buah taman halal telah menerima status HALMAS dari Halal Development Corporation (HDC) bagi melayakkan pengendali taman halal, peserta industri dan pengendali logistik menikmati insentif dan galakan cukai. Sebanyak 197 buah syarikat telah beroperasi di taman-taman halal dengan jumlah pelaburan mencecah RM11.89 bilion di mana RM4.8 bilion (40%) merupakan pelaburan tempatan dan 11,941 peluang pekerjaan telah diwujudkan.

2. Sebarang aktiviti untuk mendapatkan peruntukan infrastruktur bagi Taman Halal adalah tidak tertakluk di bawah bidang keterlibatan HDC. Hal ini kerana ia adalah di bawah bidang kuasa pemilik taman halal tersebut yang merupakan pihak Kerajaan Negeri, Badan-Badan Berkanun atau pihak swasta. HDC hanya memberikan panduan mengenai pelan pembangunan taman-taman halal secara menyeluruh sahaja.

3. Untuk makluman, peruntukan infrastruktur berkaitan daripada Kerajaan Persekutuan adalah di bawah kawal selia Lembaga Pembangunan Perbadanan Malaysia (MIDA) yang mempunyai peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur sedia ada di taman-taman industri seluruh negara, termasuk taman-taman halal.

4. Namun begitu, bagi mempromosi taman halal kepada pelabur berpotensi, peranan HDC adalah termasuk:

- (i) memberi khidmat nasihat dan rundingan kepada para pelabur berpotensi mengenai taman-taman halal yang bersesuaian dan menepati kehendak pelabur;
- (ii) memberi khidmat nasihat kepada operator taman halal mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang harus disediakan berdasarkan maklum balas yang disampaikan oleh para pelabur kepada HDC;
- (iii) menyediakan perkhidmatan pusat sehenti untuk membantu para pelabur yang baharu memulakan perniagaan di Malaysia; dan
- (iv) menganjur atau mengambil bahagian dalam program pelaburan untuk mempromosikan semua taman halal berstatus HALMAS di Malaysia.

**SOALAN ( 48 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13 MAC 2017  
[ RABU ]**

**DARIPADA : YB DATO' DR SHAMSUL ANUAR BIN HJ.  
NASARAH [ LENGGONG ]**

**SOALAN :-**

**YB DATO' DR SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH [ LENGGONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana pencapaian Kerajaan menerusi program transformasi yang telah diperkenalkan pada 2010 yang kini telah memasuki fasa ketiga (2015-2020).

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Transformasi Negara (NTP), lahir daripada **Model Ekonomi Baru (MEB)** yang telah diperkenalkan pada bulan Mac 2010 kini dalam fasa terakhir menjelang Wawasan 2020. Matlamat utama MBE adalah untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan menekankan kepada tiga dimensi iaitu negara maju berpendapatan tinggi, kemampunan dan keterangkuman yang mengutamakan golongan berpendapatan 40 peratus terendah. Pelaksanaan strategi MBE telah diperincikan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020).

Program Transformasi Negara (NTP) didukung dan dijayakan oleh Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang disasarkan dengan matlamat untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam serta memantapkan institusi awam dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pula dirangka untuk mewujudkan sebuah ekonomi yang mempunyai ciri diversifikasi dan berdaya tahan agar mampu mendepani

landskap ketidakpastian ekonomi global. ETP merupakan program ekonomi yang diukur berdasarkan tiga pencapaian sehingga menjelang tahun 2020, iaitu:

- 1) mencapai pendapatan per kapita sebanyak USD15,000 iaitu anggaran tahap minimum negara berpendapatan tinggi mengikut definisi Bank Dunia;
- 2) mewujudkan sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan; dan
- 3) memperolehi USD444 bilion nilai pelaburan menjelang 2020.

Sasaran akhir NTP adalah agar Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 berlandaskan langkah-langkah yang mampan dan terangkum. Sepanjang tempoh 6 tahun pelaksanaan NTP, kita dapat merumuskan lima petunjuk besar kejayaan NTP dalam tempoh bermulanya dengan Bajet 2010, dalam meletakkan ekonomi Malaysia pada trajektori yang tepat dan berdaya tahan.

**PERTAMA**, di bawah NTP, negara telah mengatasi pertumbuhan global 2.4 peratus pada tahun 2015, Malaysia mencapai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang kukuh sebanyak 5 peratus. Antara tahun 2010 hingga 2015, KDNK meningkat 29.4 peratus daripada RM821.4 bilion kepada RM1,062.8 bilion. Sektor-sektor National Key Economic

Area (NKEA) di bawah ETP telah menyumbang sebahagian besar daripada nilai KDNK iaitu sebanyak 72% atau RM 816 bilion daripada keseluruhan PNK RM1.13 bilion pada tahun 2015.

**KEDUA**, pelaburan ternyata jelas lebih tinggi pasca-ETP berdasarkan CAGR setinggi 8.3 peratus bagi tempoh antara 2011 dan 2015, berbanding 5.3 peratus bagi tempoh antara 2006 dan 2010.

**KETIGA**, sektor swasta turut berkembang sepanjang tempoh 5 tahun transformasi ekonomi dan mempunyai bahagian nisbah pelaburan yang ketara lebih besar. Pada tahun 2015, sektor swasta menyumbang 65 peratus daripada jumlah pelaburan di Malaysia, sementara selebihnya disumbangkan oleh sektor awam. Ini adalah sejajar dengan aspirasi negara untuk memastikan sumbangan sektor swasta mencecah 92 peratus menjelang 2020.

**KEEMPAT**, ETP juga telah mewujudkan sebanyak 1.8 juta peluang pekerjaan baharu dari 2010 hingga 2015.

**KELIMA**, melalui NTP juga, langkah yang dilaksanakan oleh Malaysia antara 2010 hingga 2015 untuk lebih berdaya tahan dari segi fiskal jelas

membuahkan hasil. Sejak tahun 2013, Malaysia telah kekal di dalam “Zon Selamat” fiskal, iaitu satu ukuran yang menunjukkan kekukuhan fiskal negara, yang menghendaki hutang awam berada di bawah 55 peratus daripada KDNK sementara defisit dikekalkan pada 3.5 peratus daripada KDNK atau kurang.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2015, defisit fiskal terus dikurangkan mengikut sasaran, iaitu pada 3.2 peratus daripada KDNK berbanding dengan 5.3 peratus pada tahun 2010. CAGR bagi kutipan hasil antara tahun 2011 hingga 2015 berkembang 8.5 peratus berbanding dengan 6.5 peratus antara tahun 2006 hingga 2010. Ini merupakan petanda positif bahawa Kerajaan berada pada landasan yang betul dengan pelaksanaan langkah pengukuhan untuk mempertingkatkan daya tahan fiskal negara.

Manakala Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita telah meningkat 4.6 kali daripada RM7,829 (USD2,847) pada tahun 1991 kepada RM36,078 (USD9,328)<sup>1</sup> pada tahun 2015. Jika dibandingkan dengan tahap minimum semasa PNK per kapita yang ditetapkan oleh Bank

---

<sup>1</sup> RM/AS\$;3.9055 (2015)

Dunia sebanyak USD12,736 untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, Malaysia berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Selain itu, antara *indicator* lainnya, kejayaan ETP adalah peningkatan pendapatan penduduk luar bandar dan isi rumah berpendapatan rendah, dalam usaha untuk memastikan mereka tidak ketinggalan menikmati pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Berdasarkan laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014 menunjukkan pendapatan bulanan purata isi rumah B40 telah meningkat pada kadar 12.0% berbanding isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (isi rumah T20) yang meningkat sebanyak 7.5% bagi tempoh tahun 2009 hingga 2014.

Dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi, Kerajaan sedar akan kesukaran yang dihadapi rakyat dalam berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup. Meskipun pengenalan langkah seperti Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) dan kesan rasionalisasi subsidi bahan api, inflasi kekal terkawal, Indeks Harga Pengguna (Consumer Price Index, CPI) mencatat 2.1 peratus

pada tahun 2015 berbanding dengan 3.2 peratus pada tahun 2014, jauh lebih rendah.

Walau bagaimanapun, kerajaan tetap menyediakan dan menyalurkan bantuan tunai bersasaran yang disampaikan menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) seperti BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia), menyasarkan bantuan wang tunai terus kepada isi rumah yang berpendapatan kurang RM4,000 sebulan, telah membantu golongan yang memerlukan. Lebih 7.1 juta rakyat Malaysia telah menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada tahun 2015, dan daripada jumlah tersebut, kira-kira 4.6 juta isi rumah menerima BR1M pada tahun 2014 dan 2015. BR1M telah ditambah setiap tahun sejak pengenalannya, iaitu sebanyak RM500 bagi setiap isi rumah (yang berpendapatan RM3,000 atau kurang) kepada RM950 pada tahun 2015. Golongan paling muda juga tidak ketinggalan dimana Kerajaan telah menyediakan BB1M (Baucar Buku 1Malaysia) dan BKAP1M (Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia). Kerajaan juga memberikan keutamaan terhadap penyediaan keperluan asas dan perkhidmatan yang mampu dinikmati seperti K1M (Klinik 1Malaysia), KR1M (Kedai Rakyat 1Malaysia) dan MR1M (Menu Rakyat 1Malaysia).

NTP juga telah menerima Pengiktirafan Badan-Badan dan Agensi-Agensi Penarafan Luar Negara. Sebuah kajian yang bertajuk “Doing, Learning, Being: A Study of Malaysia’s Transformation Programme” yang telah dijalankan di bawah Program Industri Kompetitif dan Inovasi anjuran Bank Dunia mengesahkan bahawa Program Transformasi Negara (NTP) telah berjaya membuahkan hasil transformasi susulan daripada metodologi khusus yang digunakan untuk melaksanakannya.

Kini Malaysia berbanding tahun 2010, berada di tangga yang lebih tinggi di dalam beberapa penarafan ini. Sebagai contoh, laporan Ease of Doing Business oleh Bank Dunia, kita berada di kedudukan ke-21 pada 2010, dan telah naik ke tangga ke-18 pada 2015. Bagi Global Competitiveness Report oleh World Economic Forum pula, kita berada di tangga ke-26 pada 2010, tetapi hasil usaha gigih Kerajaan yang ada kini, Malaysia telah berjaya ditempatkan pada tangga ke-18 pada 2015. Malaysia juga sekarang berada di tangga ke-9, dan menjadi satu-satunya negara *emerging market* yang tersenarai dalam top-10, bagi Financial Market Development oleh World Economic Forum Global Competitiveness Ranking 2015-2016.

Hasil usaha dan kejayaan serta cabaran GTP dan ETP boleh didapati di dalam laporan tahunan PEMANDU di laman sesawang <http://www.pemandu.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

13 Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13 MAC 2017  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]**

**SOALAN :-**

**YB. Dr. Che Rosli Bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kejayaan yang telah dicapai dalam program kitar semula di seluruh negara dan adakah Kerajaan tidak lagi berhasrat membina insinerator terutama dalam melupuskan sisa perbandaran.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan kempen 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*) yang menyeluruh melibatkan semua lapisan masyarakat telah dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan amalan tersebut. Kempen ini adalah bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu dan mampan. Antara program-program 3R yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

### **a) Ceramah dan pameran**

- Sebanyak 659 sesi ceramah dan 360 sesi pameran telah dijalankan.

### **b) Program 3R di pra-sekolah dan tadika**

- Sebanyak 319 program telah dijalankan melibatkan 9,570 orang murid dan sebanyak 72,389.50 kilogram sisa kitar semula berjaya dikumpul.

**c) Program 3R di sekolah**

- Sebanyak 1,412 program kitar semula telah dijalankan menerusi Kelab Kitar Semula dengan penglibatan 16,944 orang pelajar dan berjaya mengumpul sebanyak 793,735.50 kilogram sisa kitar semula.

**d) Program 3R di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)**

- Sebanyak 49 program 3R telah dijalankan bersama-sama penglibatan mahasiswa dari pelbagai IPT.

**e) Program 3R di peringkat komuniti**

- Pihak Kerajaan telah menjalankan 644 program *engagement* dan kitar semula di kawasan perumahan dan sejumlah 213,628.55 kilogram sisa kitar semula telah berjaya dikutip.

**f) Program 3R di agensi kerajaan**

- Sebanyak 179 program telah dijalankan di agensi Kerajaan dengan kutipan sisa kitar semula sebanyak 1,065,691.35 kilogram.

**g) Program 3R@Drive-Thru**

- Pihak kerajaan juga telah mengadakan 53 program kitar semula sehenti (3R@Drive-Thru) dan berjaya mengumpul sejumlah 930,196.13 kilogram sisa kitar semula.

**h) Program 3R bersama pihak industri**

- Sebanyak 74 program yang melibatkan sektor swasta telah dijalankan.

Selain itu, pertandingan *Sculpture* 3R antara IPT dan Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah (PerKiSS) juga dijalankan secara tahunan bagi meningkatkan kesedaran mahasiswa dan pelajar berhubung aspek kitar semula.

Inisiatif pengamalan 3R ini diperkukuh dan diperluaskan melalui pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca yang bermula pada 1 Jun 2016 seiring dengan usaha mendidik masyarakat di negara ini untuk menguruskan sisa pepejal secara berhemah.

Secara umumnya, menerusi pembudayaan amalan 3R yang menyeluruh akan menyumbang kepada impak berikut:

- a) Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan;
- b) Mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal;
- c) Memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan;
- d) Meningkatkan kadar kitar semula negara;
- e) Menjana sumber ekonomi negara melalui industri kitar semula; dan
- f) Mentransformasikan minda masyarakat ke arah amalan hidup yang lestari dan hijau.

Melalui pemantauan ke atas jumlah sisa pepejal yang dilupuskan ke tapak pelupusan juga telah menunjukkan penurunan sebanyak 10.2% atau 358,489 tan setahun seperti berikut:

PERKAMPUSAN			
Tahun 2016 (Januari – Disember)	3,141,155 tan	358,489 tan	10.2%
Tahun 2015 (Januari – Disember)	3,499,644 tan		

Ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat mengenai pengasingan sisa pepejal dan amalan 3R telah meningkat.

Pada masa yang sama, pelaksanaan program-program 3R dan pengasingan sisa pepejal telah berjaya meningkatkan jumlah sisa kitar semula yang mana berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat peningkatan iaitu dari 15% pada tahun 2015 kepada 17% pada tahun 2016.

Pencapaian ini juga selaras dengan kajian yang telah dijalankan bersama Universiti Malaya pada tahun 2014 yang menunjukkan terdapat peningkatan terhadap amalan kitar semula dari 71.8% (tahun 2009) kepada 86% (tahun 2014). Impak yang positif ini dijangka dapat mencapai sasaran kadar kitar semula yang ditetapkan bagi tahun 2020 iaitu sebanyak 22%.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menguruskan sisa pepejal secara bersepadu dan kos efektif yang memberikan penekanan terhadap 3R dan rawatan perantaraan dan

pelupusan akhir. Selain itu, teknologi yang dicadangkan bagi tujuan rawatan perantaraan dan pelupusan akhir mestilah terbukti, mampu bayar dan mesra alam. Oleh itu, pihak Kementerian sedang mengkaji dan mempertimbangkan beberapa teknologi yang bersesuaian untuk diaplikasikan ke negara ini termasuk teknologi insinerator.

Kementerian juga bercadang untuk membina beberapa fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu di Semenanjung Malaysia yang dilengkapi dengan sistem pengasingan sisa, sistem rawatan sisa pepejal seperti insinerator, *Anaerobic Digester* dan lain-lain jenis rawatan, serta akhir sekali tapak pelupusan. Teknologi-teknologi yang bersesuaian akan dipertimbangkan untuk digunapakai jika teknologi tersebut memenuhi 3 syarat yang telah ditetapkan Kementerian iaitu terbukti, mesra alam dan “value for money”. Selain itu, pada masa ini Kerajaan sedang merancang untuk membina loji *Waste to Energy* (WtE) di Taman Beringin, Kepong yang kini dalam proses penilaian tender.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK UGAK ANAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG]**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB DATUK UGAK ANAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan : -**

- i) jumlah penduduk rumah panjang yang telah menerima pinjaman untuk membina baru atau membaik pulih rumah panjang; dan**
- ii) berapakah jumlah pinjaman yang telah diluluskan bagi setiap keluarga.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan telah menyediakan dua (2) jenis skim pinjaman iaitu Skim Pinjaman Rumah Panjang dan Skim Pinjaman Tanpa Faedah bagi membina dan membaik pulih rumah-rumah panjang di Sarawak. Di bawah Skim Pinjaman Rumah Panjang, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta setahun secara geran kepada Kerajaan Negeri khusus kepada golongan berpendapatan rendah di Negeri Sarawak. Jumlah had pinjaman maksimum adalah sebanyak RM15,000 bagi setiap keluarga.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah menyalurkan geran tambahan kepada Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Skim Pinjaman Tanpa Faedah sebanyak RM40 juta pada tahun 2016. Selaras dengan keputusan tersebut, Kerajaan Negeri telah menyediakan pinjaman di bawah Skim Pinjaman Tanpa Faedah dengan had maksimum sebanyak RM50,000 bagi setiap keluarga.

Dari segi pelaksanaan, Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak melalui *Housing Development Corporation* (HDC) bertanggungjawab mengurus dan mengendalikan pelaksanaan skim ini. Sehingga kini, seramai 16,175 penduduk rumah panjang telah menerima dan diluluskan pinjaman untuk tujuan bina baru atau baik pulih rumah

panjang di mana 14,851 telah siap dilaksanakan manakala 1,324 masih dalam proses penawaran dan menandatangani perjanjian.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 42 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkuasa memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan yang telah dibicarakan oleh mahkamah tentera dan segala kesalahan yang dilakukan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan Duli Yang Maha Mulia Raja/ Sultan/ Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri sesuatu Negeri berkuasa memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum berkenaan dengan segala kesalahan lain yang dilakukan di dalam Negerinya.

Sehubungan itu, setiap banduan yang ingin mengemukakan petisyen pengampunan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; Duli Yang Maha Mulia Raja/Sultan; dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, hendaklah telah melalui semua proses perundangan sedia ada.

Kuasa pengampunan atau peringanan hukuman adalah hak mutlak Ke bawah Duli Yang Maha Mulia; Duli Yang Maha Mulia Raja/Sultan; dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri yang dilaksanakan dengan nasihat daripada Lembaga Pengampunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**

**TARIKH : 13 MAC 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk mencadangkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk memberi pengampunan kepada Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan sekaligus bersedia membebaskan beliau sekarang.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG]**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**SOALAN :**

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedia untuk menubuhkan badan IPCMC (Independent Police Complaints and Misconduct Commission) seperti yang dicadangkan di 2005 oleh Suruhanjaya Di Raja yang ditubuhkan Kerajaan sendiri memandangkan kematian dalam lokap yang terus berlaku dengan kadar serius.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di pertua,

Dalam hal ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan IPCMC memandangkan Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) yang berpegang kepada prinsip yang sama seperti IPCMC dengan penambahbaikan bidang kuasa yang meliputi agensi-agensi penguatkuasaan Persekutuan lain. Penubuhan EAIC ini bertujuan bagi menerima dan menyiasat aduan berkenaan salah laku di kalangan pegawai penguatkuasa dan agensi

penguatkuasaan daripada 21 Agensi Penguatkuasaan Persekutuan termasuklah Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Setakat ini, EAIC telah beroperasi dengan baik termasuklah di dalam isu kematian dalam tahanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak penubuhannya pada tahun 2011, EAIC telah membuka sebanyak 17 kertas siasatan di bawah seksyen 28 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] berkaitan kes-kes kematian di dalam tahanan.

Selain siasatan di bawah seksyen 28 Akta 700, EAIC juga telah membuat pendedahan kepada masyarakat berkenaan kes kematian dalam tahanan PDRM dengan mengadakan Pendengaran Awam terhadap kematian N. Dharmendran dalam tahanan PDRM. Hasil siasatan dan laporan penuh berkenaan siasatan kematian itu telahpun dipanjangkan kepada kementerian dan agensi penguatkuasaan yang berkenaan untuk penelitian dan tindakan sewajarnya. Laporan itu juga boleh dilihat melalui laman sesawang EAIC iaitu [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my).

Dalam laporan-laporan EAIC terhadap siasatan berkenaan kematian dalam tahanan ini, beberapa syor dan cadangan penambahbaikan telahpun dikemukakan untuk pertimbangan pihak yang berkenaan. Di antara syor dan cadangan tersebut termasuklah memastikan pemeriksaan perubatan secara terperinci dibuat ke atas tahanan sebelum diterima dan dimasukkan ke dalam lokap, penempatan Pegawai Perubatan di dalam lokap, pemasangan CCTV di kawasan lokap bagi memantau tahanan dan pegawai yang menjaga lokap termasuk penyelenggaraannya, memastikan pegawai yang bertanggungjawab menjaga lokap mempunyai pengetahuan asas

mengenai bantuan awal (*first aid*) dan agensi dan pegawai hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan dan tatacara operasi standard (SOP) yang berkaitan penjagaan tahanan dan tempat tahanan.

Dalam perkara ini, EAIC sentiasa berusaha untuk menangani dan mencegah daripada terus berlakunya kes-kes kematian dalam tahanan dengan bekerjasama rapat dengan PDRM bagi memantapkan tatacara kerja serta perlaksanaannya sehingga ke peringkat bawah.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**

**TARIKH : 13.3.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah garis panduan yang diberi kepada pihak sekolah untuk memastikan peruntukan yang disalurkan bagi menambahbaik kemudahan kerusi, meja, peralatan sekolah dan kebersihan di sekolah dan di samping projek perindahan serta kecantikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai peruntukan yang disalurkan kepada sekolah dan sebahagian peruntukan tersebut boleh digunakan bagi tujuan perolehan harta modal khususnya bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (P&P) seperti kerusi, meja dan peralatan sekolah yang bersesuaian. Garis panduan yang diwujudkan dalam pengurusan kewangan sekolah ini memberikan kuasa autonomi kepada Guru Besar/ Pengetua dalam merancang perbelanjaan ke arah kecemerlangan sekolah dan menambah baik kemudahan-kemudahan sedia ada berdasarkan surat pekeliling ikhtisas berikut:

1. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8Tahun 2012 - Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan

**Persekolahan Ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita dan Enrolmen Murid**

2. **SPK Bil.2 Tahun 2009 – Garis Panduan Perbelanjaan Khas Sekolah Kluster, KPM**
  
3. **SPK Bil.4 tahun 2011 – Garis Panduan Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Peruntukan Khas SBT, KPM**

Kementerian Pendidikan Malaysia juga menjalankan program 3K (Keselamatan, Kesihatan dan Keceriaan) di sekolah bagi memastikan keselamatan, kebersihan dan keceriaan kawasan sekolah berada dalam keadaan yang kondusif untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO'HAJAH NORMALA BT ABDUL SAMAD  
[ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017 (ISNIN)**

**NO. RUJUKAN :**

**SOALAN :**

**Y.B. DATO 'HAJAH NORMALA BT ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**  
**MINTA MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah jumlah sungai yang mencatatkan kualiti air kelas 4 & 5 mengikut negeri dan sejauh manakah keberkesanan kempen "Cintailah Sungai Kita" yang telah dilancarkan sejak dari tahun 1993.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) sentiasa mengawasi kualiti air sungai di seluruh negara. Berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekeliling yang telah dikeluarkan oleh JAS pada tahun 2016, sebanyak 22 sungai telah dikategorikan sebagai Kelas IV iaitu 17 sungai yang terletak di negeri Johor, 3 sungai yang terletak di negeri Pulau Pinang, dan sebatang sungai yang masing-masing terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Kelantan. Manakala, tiada sungai yang diawasi oleh JAS mencatatkan tahap kualiti air pada Kelas V. Kualiti air sungai pada tahap Kelas IV ini adalah dikategorikan sebagai sangat tercemar dan tidak sesuai untuk kegunaan manusia kecuali bagi tujuan pengairan. Jumlah sungai yang mencatatkan kualiti 4 dan 5 ini hanyalah 5% daripada jumlah keseluruhan sungai yang dipantau oleh JAS.

Dalam hal ini, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memulakan usaha untuk meningkatkan kualiti sungai-sungai di negara ini, dengan melancarkan Kempen Cintai Sungai Kita pada tahun 1993 sehingga 2004.

Ini merupakan usaha peringkat awal dalam memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya sungai untuk dihargai dan dijaga selain dari memberi penekanan kepada elemen peningkatan kualiti air sungai semata-mata. Langkah-langkah yang diambil ini merupakan tindakan bukan struktur dalam menggerakkan masyarakat supaya lebih menghargai sungai sebagai punca utama sumber air Negara.

Keberkesanan kempen ini telah menyumbang kepada langkah-langkah yang telah diambil oleh JAS dalam meningkatkan kualiti air sungai. Bilangan sungai yang mencapai kualiti yang lebih baik pada tahun 2004 adalah sebanyak 58 sungai jika dibandingkan dengan 32 sungai pada tahun 1993.

Selain itu, pada tahun 1996, JPS telah melancarkan Program 10 Tahun Pembersihan Sg. Klang, dengan melaksanakan kaedah struktur dan bukan struktur. Di antara sub-program yang dilaksanakan ialah:

- 1) Pembinaan log-boom dan perangkap sampah;
- 2) Pengutipan sampah dan pembersihan sampah terapong;
- 3) Pemindahan setinggan dari tepi sungai;
- 4) Pengolahan najis babi; dan
- 5) Pendidikan dan kempen kesedaran kepada pelajar sekolah.

Program 10 Tahun Pembersihan Sg. Klang yang tamat pada 2006, merupakan persiapan awal kepada permulaan kepada program yang lebih hebat dan berimpak tinggi. Di bawah *National Key Economic Areas* dan sebahagian inisiatif *Greater Kuala Lumpur* yang dilancarkan pada 2010, skop pembersihan adalah merangkumi:

- i. Pembersihan Sg Klang sepanjang 110km
- ii. Kerja-kerja pengindahan sepanjang 10.7km serta
- iii. Pembangunan harta tanah ditebing dan koridor sungai Klang.

Keseluruhan pembangunan ini akan menukar rupa struktur dan sosio ekonomi Kuala Lumpur dan Lembah Klang menjelang 2020 kepada bandaraya bertaraf dunia dengan *standard* terbaik bagi semua bidang, infrastruktur untuk perniagaan, keselesaan dan kesejahteraan hidup.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK  
MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9791**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang terlibat dengan masalah gay dan lesbian dan berapa ramaikah permohonan kahwin sejenis yang dipohon dan adakah permohonan ini diluluskan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] yang mentadbir pendaftaran perkahwinan bukan Islam di Malaysia dengan jelas telah menggariskan bahawa sesuatu perkahwinan yang didaftarkan hendaklah terdiri daripada satu pasangan lelaki dan wanita yang berlainan jantina. Sehubungan itu, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta ini tidak merekodkan atau mendaftarkan perkahwinan bagi pasangan sama jantina.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD  
[ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 56**

**Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang mewujudkan Suruhanjaya Pelabuhan yang bertanggungjawab untuk menjaga keseluruhan pelabuhan yang terdapat di Pulau Langkawi

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesuatu Lembaga atau Suruhanjaya bagi mengawalselia sesuatu pelabuhan ditubuhkan berdasarkan kepada keperluan dan justifikasi yang kukuh dan ianya ditubuh melalui punca kuasa perundangan iaitu melalui Akta Lembaga Pelabuhan 1963 atau mana-mana akta tubuh lembaga tersebut.

Dalam hal ini, Pulau Langkawi ketika ini mempunyai tiga jeti terminal iaitu terminal Jeti Teluk Ewa (yang dikendalikan oleh Kedah Cement Jetty Sdn. Bhd.), terminal jeti kargo di Tanjung Lembong (yang dikendalikan oleh Langkawi Port sdn. Bhd.) dan terminal jeti penumpang di Kuah. Kerajaan telahpun menubuhkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) pada tahun 1999 melalui pemanjangan kuasa dan fungsi Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 bagi mengawalselia aktiviti dan perkhidmatan pelabuhan di jeti terminal Teluk Ewa. Justeru, Kerajaan berpandangan bahawa belum ada keperluan bagi mewujudkan satu lagi Suruhanjaya Pelabuhan di pulau Langkawi untuk mengawalselia kesemua pelabuhan-pelabuhan yang ada di pulau berkenaan.

**NO. SOALAN: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN**  
**[ NIBONG TEBAL ]**  
**TARIKH : 13.3.2017 (ISNIN)**

**Dato' Mansor Bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakah jumlah bilangan koperasi keluarga yang didaftarkan oleh Kementerian sehingga kini dan sejauhmanakah kejayaan prestasi institusi koperasi tersebut yang boleh disebut sebagai berjaya dalam operasinya.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sehingga kini, terdapat 1,079 koperasi keluarga yang didaftarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Kejayaan koperasi keluarga dapat dilihat melalui prestasi jumlah perolehan yang dicatatkan sebanyak RM23 juta dengan keuntungan bernilai RM1.61 juta, keanggotaan seramai 35,854 orang, modal syer berjumlah RM13.59 juta dan aset bernilai RM38.82 juta pada 30 Jun 2016.

Antara koperasi keluarga yang berjaya ialah Koperasi Pembangunan Keluarga Haji Mohamad Perak Berhad yang menjalankan aktiviti perladangan kelapa sawit di atas tanah seluas 350 ekar dan projek perumahan. Koperasi ini berjaya mencatat jumlah perolehan sebanyak RM661 ribu dengan jumlah aset bernilai RM6.2 juta pada 30 Jun 2016 dan telah berjaya membayar dividen kepada anggota sebanyak 10% pada tahun 2016. Selain itu, Koperasi Keluarga Minan dan Mohid Lawas Berhad juga merupakan antara koperasi keluarga yang berjaya dengan menjalankan aktiviti kedai runcit dan *community drumming*. Koperasi ini berjaya mencatat perolehan berjumlah RM784 ribu dengan jumlah aset bernilai RM647 ribu pada 30 Jun 2016.

**NO. SOALAN: 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9618**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [ Kuantan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada suatu ujian kewarganegaraan boleh dijalankan atau satu sistem boleh diwujudkan bagi anak-anak kelahiran tempatan tanpa dokumentasi supaya mereka boleh memperolehi kewarganegaraan dengan cara lebih mudah.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian ini ingin menegaskan bahawa status kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi yang telah diperuntukkan dengan jelas oleh undang-undang tertinggi di Malaysia iaitu Perlembagaan Persekutuan.**

**Dalam hal ini, adalah dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kelahiran yang berlaku di negara ini tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dan diteliti dalam menentukan status kewarganegaraan seperti tarikh dan tempat kelahiran, taraf kewarganegaraan ibu dan bapa serta status perkahwinan.**

**Bagi perkahwinan yang tidak berdaftar atau anak yang lahir sebelum perkahwinan, status kewarganegaraan anak tersebut adalah mengikut kewarganegaraan ibunya selaras peruntukan Seksyen 17, Jadual Kedua, Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan:**

***“Berhubung dengan seseorang anak tidak sah taraf, sebutan mengenai bapa orang itu atau mengenai ibu atau bapanya, atau mengenai seorang daripada ibu bapanya adalah, bagi maksud Bahagian III Perlembagaan ini, ditafsirkan sebagai***

***sebutan mengenai ibunya, dan dengan yang demikian itu seksyen 19 Jadual ini tidaklah terpakai bagi orang itu.”***

**Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kedua-dua ibu bapa kanak-kanak tersebut untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal ibu kanak-kanak berkenaan melalui kedutaan negara masing-masing.**

**NO. SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9619**

**SOALAN:**

**Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan bilakah Balai Polis di Taman Putra  
Perdana akan mula dibina di tapaknya yang sedia ada meskipun  
dikhabarkan perasmian tapaknya di sebelah Masjid Putra Perdana  
telah dilakukan seawal tahun 2000.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pada asalnya, Balai Polis Putra Perdana merupakan sebuah Pondok Polis di bangunan sewaan swasta dengan kekuatan anggota seramai 6 orang yang diketuai oleh Pegawai Polis berpangkat Koperal. Namun atas kepentingan semasa pada ketika itu, pondok ini telah dinaiktaraf kepada Balai Polis pada 01 Januari 2009 dengan perjawatan seramai 15 orang yang diketuai oleh seorang Pegawai berpangkat Sarjan Mejar. Namun demikian, mulai 12 Ogos 2013, Balai Polis Putra Perdana telah dipindahkan kawasan operasinya ke Taman Putra Prima yang jaraknya lebih kurang 10 kilometer dari tapak balai lama susulan pemilik bangunan sedia ada telah menamatkan perjanjian sewaan bangunan tersebut. Kini, Balai Polis sedia ada beroperasi di bangunan milik Majlis Perbandaran Sepang yang mana sebelum ini digunakan sebagai Pondok Polis Komuniti Putra Prima.**

**Perancangan bagi projek baru Kompleks Balai Polis ini masih dalam kajian kerana Ibu Pejabat Kontinjen Polis (IPK) Selangor masih dalam tindakan untuk mengenalpasti tapak yang sesuai bagi pelaksanaan perancangan tersebut. Ini kerana tawaran tanah asal seluas tiga ekar oleh pihak Syarikat Talam Corporation telah ditarik balik disebabkan kegagalan pihak syarikat menjelaskan pembayaran premium.**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN AHMAD**  
**TARIKH : 13.3.2017**  
**SOALAN : NO. 60**

**Tuan Idris Bin Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan graduan universiti yang masih menganggur sejak tahun 2010-2015 mengikut jurusan pengajian.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Pengesanan Graduan IPT yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada setiap sesi konvokesyen mendapati bahawa pada tahun 2016, bilangan graduan yang berstatus belum bekerja adalah seramai 54,105 orang berbanding dengan tahun 2015 iaitu seramai 54,852 orang iaitu menurun sebanyak 1.36%. Bilangan graduan yang berstatus belum bekerja melibatkan graduan dalam bidang Sastera & Sains Sosial, Sains, Teknik, Teknologi Maklumat & Komunikasi serta Pendidikan

**SOALAN NO: 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH  
[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa wabak denggi yang disebabkan nyamuk aedes sentiasa berulang dengan melibatkan korban yang tidak pernah berkurangan setiap tahun dan adakah tidak ada solusi yang berkesan untuk menangani masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2016, jumlah kumulatif kes Demam Denggi adalah sebanyak 101,357 kes iaitu penurunan sebanyak 16.1% berbanding tahun 2015

yang telah melaporkan sebanyak 120,836 kes. Manakala jumlah kumulatif kematian Denggi di seluruh negara juga menunjukkan penurunan sebanyak 29.5% bagi tahun 2016, iaitu sebanyak 237 kematian berbanding 336 kematian pada tahun 2015. Pada keseluruhannya terdapat pengurangan kes dan kematian penyakit Demam Denggi berbanding tahun lepas dan usaha serta kerjasama bersama-sama kementerian dan agensi lain untuk memastikan penurunan ini akan dipergiatkan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terdapat beberapa faktor dan masalah dihadapi dalam usaha untuk menangani Denggi seperti:

- i. Faktor persekitaran yang tidak bersih, longgokan sampah haram menyebabkan banyak bekas berpotensi yang menakung air boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Ditambah pula dengan tabiat masyarakat membuang sampah merata-rata menjadikan lebih banyak tempat pembiakan Aedes;
- ii. Perubahan cuaca apabila musim hujan maka banyak takungan air dan memudahkan nyamuk mencari tempat bertelur dan seterusnya meningkatkan populasi nyamuk sebagai penyebar virus denggi di kalangan komuniti;

- iii. Pada masa musim panas pula ianya menyebabkan nyamuk lebih aktif menggigit menyebabkan bilangan individu digigit lebih ramai dan sebaran virus denggi di kalangan manusia akan lebih meluas;
- iv. Bagi faktor perumah (host) di mana individu yang telah dijangkiti virus juga bergerak dari satu tempat ke tempat lain akan menyebarkan virus denggi di kawasan baru. Pergerakan perumah (host) yang meluas dengan kemudahan pengangkutan awam masa kini menyebabkan sebaran virus ini lebih cepat;
- v. Virus denggi mempunyai empat (4) serotaip iaitu DEN 1, 2, 3 dan 4. Perubahan serotaip virus contohnya dari DEN 2 kepada DEN 1 di kalangan komuniti boleh menyebabkan peningkatan kes dan kematian denggi ini adalah kerana ramai individu yang tidak immun dengan serotaip DEN yang baru; dan
- vi. Nyamuk Aedes adalah "efficient" vektor untuk denggi di mana telur nyamuk Aedes boleh bertahan selama enam (6) hingga sembilan (9) bulan di tempat lembab dan apabila terdapat air, telur ini boleh menetas menjadi nyamuk dewasa. Di samping itu, pemindahan virus denggi dari nyamuk yang dijangkiti virus kepada telurnya (*transovarial transmission*) juga boleh berlaku sehingga ke beberapa generasi nyamuk tersebut. Oleh itu, sebaran virus masih terus berlaku kepada manusia.

Oleh itu, kaedah pencegahan denggi yang paling berkesan ialah penglibatan masyarakat dalam melaksanakan aktiviti menghapuskan tempat pembiakan Aedes setiap minggu. Amalan masyarakat mengutamakan kebersihan persekitaran perlu dipupuk dari sekarang kerana perubahan tingkahlaku masyarakat adalah sangat penting untuk menghalang kejadian kes demam denggi.

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[POKOK SENA - PAS]**

**TARIKH : 13 MAC 2017 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 62**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kedudukan tunggakan akaun belum terima (ABT) yang melibatkan 5 peminjam Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN) yang berjumlah keseluruhan RM15,840,500.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah penyelesaian bagi kes ini telah dicapai dan tindakan susulan akan diambil bagi mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 13.03.2017 [ISNIN]**

**SOALAN : 63**

**Dato' Johari Bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kakitangan awam yang ditahan pada tahun 2010 hingga 2016 kerana terlibat dalam jenayah rasuah dan dari jumlah ini berapa yang telah dihukum oleh mahkamah.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 2170 orang kakitangan awam telah ditangkap dan 491 orang kakitangan awam telah disabitkan kesalahan sejak tahun 2010 hingga 2016. Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat ini boleh dilayari/dirujuk di laman web [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH  
[KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH : 13 MAC 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 64**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia yang akan dianugerahkan kepada syarikat negara China untuk dibina serta diurus.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, terdapat dua Pelabuhan Persekutuan yang mempunyai ekuiti syarikat daripada Republik Rakyat China iaitu Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Kuantan. Sejak tahun 2000, sebanyak 23.55% ekuiti Westports Sdn. Bhd. dipegang oleh Hutchison Port Holdings (Hong Kong) melalui anak syarikatnya, South Port Investment Holdings Limited.

Sinergi kerjasama antara Operator Pelabuhan Kuantan dengan syarikat daripada Republik Rakyat China telah terjalin sejak 5 Februari 2013 bagi tujuan membangunkan terminal laut dalam baru di Kuantan, Pahang, di mana 40% ekuiti Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. dipegang oleh Guangxi Beibu International Port Group Ltd China. Melalui sinergi kerjasama ini, sebanyak RM3 bilion telah dilabur oleh Kuantan Port Konsortium Sdn. Bhd. untuk tujuan pembangunan dan penyediaan kemudahan pelabuhan yang lengkap serta berupaya mengendalikan kapal-kapal besar selain mampu menerima 14 juta tan kargo setiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sinergi kerjasama pelabuhan ini tidak bermakna pelabuhan Malaysia diserahkan kepada syarikat milik Republik Rakyat China berkenaan di mana pelabuhan-pelabuhan ini masih dikawal selia oleh Lembaga Pelabuhan dan dioperasikan oleh Operator Pelabuhan masing-masing.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, tujuan sinergi kerjasama ini diadakan adalah untuk menjana serta menarik lebih banyak syarikat perkapalan untuk menggunakan pelabuhan Malaysia sebagai *transshipment hub* kargo mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
(SIBU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.03.2017**

**Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jenis cukai yang dikenakan ke atas motosikal dan kadarnya mengikut kategori kapasiti enjin. Apakah perlepasan cukai yang dinikmati oleh kenderaan EEV. Adakah Kerajaan berhasrat untuk menghapuskan cukai eksais bagi motosikal 150cc ke bawah.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, motosikal dikenakan cukai seperti berikut:

(i) motosikal yang diimport dalam bentuk siap dipasang [*Completely Built Up (CBU)*] tertakluk kepada:

- (a) duti import pada kadar 30%,
- (b) duti eksais pada kadar 20% bagi kapasiti enjin 150 cc dan ke bawah dan 30% bagi kapasiti enjin melebihi 150 cc; dan
- (c) GST pada kadar 6%.

(ii) motosikal CBU tempatan tertakluk kepada:

- (a) duti import ke atas input yang diimport [*Completely Knocked Down (CKD)*] pada kadar 5% bagi kapasiti enjin 250 cc sehingga 500 cc dan 10% bagi kapasiti enjin melebihi 500 cc;
- (b) duti eksais pada kadar 20% bagi kapasiti enjin 150 cc dan ke bawah dan 30% bagi kapasiti enjin melebihi 150 cc; dan
- (c) GST pada kadar 6%.

2) Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan duti eksais ke atas motosikal yang diimport bagi kapasiti enjin 150cc ke bawah.

3) Kenderaan *Energy Efficient Vehicles* (EEV) merupakan antara

inisiatif Kerajaan yang bertujuan untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dari segi penggunaan tenaga dan juga pemanasan global. Bagi menggalakkan penggunaan kenderaan EEV sama ada yang diimport (CBU) mahupun pemasangan tempatan, Kerajaan telah menyediakan insentif seperti berikut:

(i) kenderaan pemasangan tempatan yang mendapat pensijilan EEV daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) layak untuk memohon pengecualian duti import sepenuhnya (100%) ke atas komponen yang digunakan secara langsung dalam aktiviti pemasangan di Malaysia; dan

(ii) pengurangan duti eksais dipertimbangkan ke atas keluaran siap berdasarkan pencapaian peratusan kandungan tempatan.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. HAJI NOOR AZMI B. GHAZALI**  
**TARIKH : 13.3.2017**  
**SOALAN : NO. 66**

**Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kerajaan menangani isu seperti pencapaian STEM, PISA serta wawasan Kerajaan ke arah negara maju sangat memerlukan sumber manusia berdasarkan sains dan teknologi dan apakah strategi Kerajaan menggunakan kepakaran profesor pencen dalam membantu pembangunan sains dan teknologi dan universiti amnya.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) amat penting dalam pembangunan negara. Antara faktor yang mempengaruhi pencapaian STEM ialah kurikulum, tenaga pengajar, jaringan usaha sama sekolah dan institusi pendidikan tinggi dan penyelidikan. Tenaga pengajar memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran STEM. Pengajar yang mempunyai teknik dalam menyampaikan ilmu tersebut boleh menarik minat pelajar untuk memahami mata pelajaran STEM dengan lebih mendalam. Justeru, strategi menggunakan tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dapat membantu melaksanakan pembangunan STEM secara lebih komprehensif sama ada di sekolah mahupun di universiti.

KPT memberi kebebasan sepenuhnya kepada Universiti Awam melantik secara kontrak mana-mana profesor yang telah bersara bagi memenuhi keperluan universiti termasuk dalam bidang STEM. Pelantikan tersebut adalah berdasarkan terma dan syarat pelantikan seperti mana yang ditetapkan oleh pihak universiti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
(SUNGAI SIPUT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.03.2017**

**Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan dalam syor melaksanakan insurans "no-fault" untuk memberi perlindungan kepada orang yang tercedera dalam kemalangan di mana kenderaan terlibat tidak dapat dikesan (kes-kes "hit and run").

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insurans "*no fault*" ialah sebuah sistem perlindungan di mana semua mangsa kemalangan jalan raya menerima pampasan tanpa mengambil kira pihak mana yang bersalah.

Pra-syarat tertentu perlu dipenuhi sebelum insurans "*no-fault*" dapat dilaksanakan, untuk memastikan kemampanan jangka panjang sistem insurans sebegini. Di antara syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut :

- (i) Pencegahan kemalangan yang berkesan untuk mengurangkan kekerapan tuntutan;
- (ii) Kemudahan infrastruktur kesihatan dan pemulihan selepas kemalangan serta undang-undang bersepadu; dan
- (iii) Kewujudan sebuah pangkalan data yang komprehensif yang dapat dikongsi oleh semua agensi yang terlibat dalam proses tuntutan kemalangan termasuk polis, hospital, syarikat insurans dan sebagainya.

Perlaksanaan sistem insurans "*no-fault*" tanpa infrastruktur yang lengkap sebagaimana yang dinyatakan di atas akan membawa kepada peningkatan premium insurans didorong oleh tuntutan insurans yang meningkat secara mendadak. Ini akan menggalakkan tingkah laku yang lebih berisiko disebabkan oleh ketiadaan sebarang liabiliti daripada segi undang-undang. Di sesetengah negara, adalah menjadi keperluan untuk menetapkan jumlah pampasan yang dibayar bagi memudahkan pentadbiran tuntutan. Di samping itu, ia juga

mengawal kos yang boleh menyebabkan ketidakcukupan untuk membayar pampasan kepada mangsa bagi kecederaan sebenar yang dialami.

Sebagai alternatif kepada sistem "*no-fault*" ini, Bank Negara Malaysia (BNM) mencadangkan agar perundangan jalan raya Malaysia, memperuntukkan keperluan mandatori bagi semua pemilik kenderaan untuk mempunyai insurans liabiliti penumpang (*passenger liability cover*) yang akan melindungi semua penumpang dan juga pemandu dalam kenderaan tanpa mengira kesalahan jika berlaku kemalangan jalan raya.

Pada masa yang sama, Bank juga sedang menumpukan perhatian kepada langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan (*efficiency*) proses tuntutan kemalangan jalan raya, terutamanya tuntutan kecederaan. Langkah-langkah menghubungkan hospital, syarikat insurans dan pihak polis diambil untuk meningkatkan aliran maklumat dan membanteras tuntutan palsu atau "*inflated claims*".

Pada masa ini, kes-kes langgar lari ("*hit and run*") dilindungi oleh Biro Insurans Motor (*Motor Insurance Bureau*) (MIB) dalam keadaan-keadaan tertentu. Walau bagaimanapun, jumlah pampasan adalah

**NO. SOALAN: 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**

**TARIKH : 13 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9620**

**SOALAN:**

**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [ Bachok ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pendekatan terkini Kerajaan dalam menangani dan mencegah jenayah ragut. Apakah status siasatan terhadap kes kematian mangsa ragut di Bachok baru- baru ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memberikan komitmen yang berterusan dalam menangani jenayah jalanan terutamanya jenayah ragut. Di bawah *National Key Result Area* (NKRA), jenayah jalanan diberikan perhatian yang serius memandangkan kes tersebut bukan saja menimbulkan ketakutan kepada orang ramai malah terdapat kes ragut yang berakhir dengan kematian.**

**Statistik kes ragut bagi tahun 2014 sehingga 2016 adalah seperti berikut:-**

<b>JENAYAH</b>	<b>TAHUN 2014</b>	<b>TAHUN 2015</b>	<b>TURUN / NAIK</b>	<b>PERATUS</b>	<b>TAHUN 2015</b>	<b>TAHUN 2016</b>	<b>TURUN / NAIK</b>	<b>PERATUS</b>
<b>RAGUT</b>	<b>2,379</b>	<b>2,362</b>	<b>-17</b>	<b>-0.7</b>	<b>2,362</b>	<b>2,963</b>	<b>601</b>	<b>25.4</b>

**Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kejadian ragut adalah seperti berikut:-**

- i) rondaan secara berkala oleh unit kereta peronda (MPV) dan rondaan secara berjalan kaki oleh anggota bit dan patrol serta unit rondaan bermotosikal (URB) di kawasan yang sering berlaku jenayah ragut. Selain itu, rondaan**

**juga dilakukan oleh anggota detektif dan anggota pencegahan jenayah (CPJ) yang berpakaian biasa;**

**ii) bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan (PBT) untuk mengurangkan kejadian ragut dengan mengambil pendekatan seperti berikut:-**

- a) mengasingkan lorong pejalan kaki dengan laluan kenderaan terutamanya motosikal;**
- b) memasang pagar pengadang jalan di lorong-lorong pejalan kaki;**
- c) memasang cermin keselamatan bagi lorong-lorong yang terlindung;**
- d) memasang lampu-lampu jalan bagi menerangi lorong-lorong pejalan kaki; dan**
- e) memasang kamera litar tertutup di kawasan-kawasan yang sering berlakunya jenayah terutama di tempat berlakunya kes-kes ragut.**

**iii) melaksanakan Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime* (UAC) bagi meningkatkan**

**penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah; dan**

- iv) pelaksanaan program *Go-To-Safety Points* yang melibatkan kerjasama di antara pihak berkuasa dengan pihak swasta di mana pekerja syarikat yang menyertai program ini iaitu melibatkan *7-Eleven*, *Pos Malaysia Bhd* dan stesen minyak *Petron* serta *Shell* dilatih oleh *PDRM* untuk memberikan bantuan awal sekiranya berlaku kejadian jenayah.**

**Berkaitan kejadian ragut di Kampong Pak Elong, Tanggok, Bachok pada 15 Februari 2017 jam lebih kurang 8.30 pagi, mangsa iaitu seorang perempuan telah meninggal dunia setelah terlanggar tiang elektrik, dipercayai ketika bertindak untuk mengejar suspek yang meragut beg tangannya. Hasil pemeriksaan awal mendapati mangsa mengalami kecederaan di bahagian atas kening dan luka di bahagian dahi.**

**Pihak polis masih menjalankan siasatan untuk mengenal pasti suspek yang terlibat.**

**Dengan pelbagai inisiatif yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan, jenayah jalanan khususnya jenayah ragut telah dapat dikurangkan namun dilaporkan masih pada kadar yang tinggi. Peranan masyarakat amat penting dalam menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa dan mengambil langkah-langkah yang**

**boleh menutup peluang kepada penjenayah daripada melakukan jenayah ragut.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[ TELOK KEMANG ]**  
**TARIKH : 13 MAC 2017**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [ Telok Kemang ] minta**  
**MENTERI KESIHATAN menyatakan:**

- (a) berapa banyak ubat yang dibekalkan oleh hospital Kerajaan di seluruh negara yang telah dipulangkan oleh para pesakit ; dan
- (b) kaedah yang digunakan oleh Kementerian untuk memastikan sama ada ubat yang dipulangkan itu masih boleh digunakan atau perlu dilupuskan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan Program Pemulangan Ubat di semua fasiliti KKM dengan tujuan untuk membantu para pesakit melupuskan ubat-ubatan yang telah luput atau tidak dipakai lagi dengan cara yang betul dan selamat demi menjaga alam sekitar.

Berdasarkan rekod pemulangan, ubat-ubatan yang dipulangkan pesakit adalah sebanyak 0.06% daripada ubat-ubatan yang telah dibekalkan KKM. Antara ubat-ubatan yang dilihat kerap dipulangkan para pesakit adalah ubat yang digunakan untuk merawat penyakit-penyakit kronik seperti penyakit darah tinggi, kencing manis serta kolestrol tinggi.

Ingin dinyatakan bahawa pihak KKM tidak menggunakan semula ubat-ubatan yang telah dipulangkan pesakit setelah ianya dibekalkan kepada pesakit. Ini kerana kualiti ubat-ubatan tersebut tidak dapat dipastikan kerana bergantung kepada keadaan penyimpanan ubat semasa di rumah pesakit. Selain itu juga, pihak *World Health Organization* (WHO) juga menyarankan agar ubat yang telah dipulangkan tidak digunakan untuk pesakit lain memandangkan kualiti dan keberkesanan ubat yang dipulangkan tidak dapat dijamin. Amalan ini juga dipraktiskan di negara luar yang turut melaksanakan program pemulangan ubat ke farmasi seperti Australia dan United Kingdom.